

عمرة شهيدة  
MANASIK UMRAH & DOA

Disusun oleh:

Ust. Yusof Ali  
Ust. Abdul Salam Albanjari Almakky  
Hj. Ayooob Angullia

Ref: [UMRAH-Syahidah]

## ISI KANDUNGAN

### Taubat

[1]

Penghulu istighfar ..... 4

### Cara-cara Mengerjakan Umrah

[7]

Ibadah Umrah dan keutamaannya ..... 8

Sebahagian dari kelebihan dan hikmah Umrah .. 10

Adab-adab batin semasa mengerjakan Umrah .. 12

Rukun-rukun dan wajib Umrah ..... 15

Pakaian Ihram ..... 16

Sebahagia dari sunat-sunat Ihram ..... 17

Badal Umrah – Larangan-larangan  
semasa Ihram ..... 20

### Tawaf

[22]

Tawaf ada lima Macam – Syarat-syarat

Mengerjakan Tawaf ..... 23

Beberapa sunat Tawaf ..... 24

Rajah Ka'abah ..... 28

Cara-cara mengerjakan Tawaf ..... 29

## II

Ref: [UMRAH-Syahidah]

## **Sa'i**

[32]

Pengertian Sa'i ..... 34

### **Syarat-syarat Mengerjakan Sa'i**

[34]

Pengertian mengerjakan Sa'i ..... 35

Beberapa sunat Sa'i ..... 36

### **Bercukur / Bergunting**

[37]

Sunat semasa bercukur dan bergunting ..... 37

Pengertian Tahallul – Tertib ..... 38

### **Tawaf Wada'**

[39]

### **Jamak Dan Qasar**

[40]

Contoh-contoh niat solat Qasar dan  
Jamak Taqdim ..... 40

Contoh-contoh niat solat Qasar dan  
Jamak Takkhir ..... 43

III

<b>Rukun Dan Solat Jenazah</b> [45]	
<b>Cara Solat Jenazah</b> [47]	
Syarat-syaratnya – Rukun-rukunnya .....	47
<b>Penghayatan Rohani</b> [50]	
<b>Bacaan Semasa Lakukan Umrah</b> [56]	
<b>Menjelang Keberangkatan</b> [57]	
Sembahyang sunat Safar .....	57
Doa keluar rumah .....	61
Bacaan naik kenderaan .....	62
Doa memasuki suatu negeri .....	63
Ceklist cara-cara mengerjakan Umrah bagi jamaah yang berangkat dari Singapura ke Madinah dan masuk ke Makkah .....	65
Contoh niat mandi sunat Ihram – Sembahyang sunat Ihram – Niat Umrah ..	66
Miqat ialah .....	67

#### IV

Ref: [UMRAH-Syahidah]

### **Badal Umrah**

[68]

Contoh niat Umrah ..... 69

### **Bacaan Semasa Masuk Ke**

#### **Tanah Haram Makkah**

[72]

Apabila nampak kota Makkah bacalah ..... 73

Doa ketika ziarah Makkah ..... 74

Bacaan semasa masuk Masjid Al-Haram ..... 75

Satu solat di Masjid Al-Haram sama seperti  
100 000 kali solat di masjid yang lain .... 78

### **Kelebihan Ka'abah dan**

#### **Masjid Al-Haram**

[79]

Bacaan semasa melihat Ka'abah ..... 80

Bacaan semasa menuju ke Hajar Al-Aswad ... 81

Niat Tawaf Umrah – Niat Tawaf Wada' –

Istilam Hajar Al-Aswad ..... 82

Istilam rukun Yamani dan bacalah doa ini .... 83

### **Doa Tawaf Dalam Setiap Pusingan**

[84]

Doa dalam pusingan pertama ..... 84

V

Doa dalam pusingan kedua .....	86
Doa dalam pusingan ketiga .....	87
Doa dalam pusingan keempat .....	88
Doa dalam pusingan kelima .....	90
Doa dalam pusingan keenam .....	92
Doa dalam pusingan ketujuh .....	94

#### **Sembahyang Sunat Tawaf**

[95]

Niat sembahyang sunat Tawaf .....	95
Doa ketika berada di Multazam .....	101
Doa ketika berada di Hijir Ismail .....	103
Doa ketika minum air zam-zam .....	108
Cara-cara minum air zam-zam .....	109

#### **Bacaan-bacaan Semasa Sa'i**

[110]

Niat Sa'i Umrah .....	110
Perjalanan pertama dari Shafa ke Marwah ...	113
Apabila naik di bukit Marwah, bacalah .....	116
Bacaan perjalanan kedua dari Marwah ke Shafa .....	117
Apabila naik di bukit Shafa, bacalah .....	120
Bacaan perjalanan ketiga dari Shafa ke Marwah .....	122

## VI

Bacaan apabila sampai di tiang hijau .....	123
Bacaan perjalanan keempat dari Marwah ke Shafa .....	125
Bacaan perjalanan kelima dari Shafa ke Marwah .....	129
Bacaan perjalanan keenam dari Marwah ke Shafa .....	133
Bacaan perjalanan ketujuh dari Shafa ke Marwah .....	137
Doa selepas Sa'i .....	141
Doa selepas bercukur atau bergunting .....	143
Doa selepas Tawaf Wada' .....	145

\* \* \*

## **MADINAH**

[151]

### **Menziarahi Madinah Al-Munawwarah**

[152]

Adab masuk kota Rasulullah s.a.w. – Adab ziarah Nabi s.a.w. ....	152
Doa apabila kelihatan rumah-rumah di Madinah – Doa masuk Masjid Nabawi ....	154
Memberi salam kepada Nabi Muhammad s.a.w. ....	157

## **VII**

Menyampaikan salam saudara kita kepada Rasulullah s.a.w. ....	163
Pesanan untuk menyampaikan salam kepada Rasulullah s.a.w. daripada saudara dan kawan-kawan kita .....	165

**Doa Ketika Menziarahi Perkuburan Baqi‘**

[166]

**Jabal Uhud**

[182]

Doa semasa menziarahi kubur di Uhud .....	182
Doa di tempat yang dikunjungi sama ada di Makkah, Madinah atau di mana tempat Islam bertamaddun .....	185

**Ziarah Wada‘**

[186]

Doa ziara Wada‘ .....	186
Selawat Ummiy – Selawat Syifa’ .....	189
Qasidah Taubat .....	190
Doa penutup majlis .....	191
Astaghfirullah Rabbal Baraya – Rabbi Zidni ‘Ilman Nafi‘an .....	192



VIII



Fahami lebih mendalam mengenai manasik Umrah dengan melayari video yang telah kami sediakan.

Download app QR Reader di telefon bijak anda dari Google Play atau iTunes secara

percuma, dan scan QR code ini untuk menonton susunan video Manasik Umrah. Anda juga boleh langsung ke Youtube channel Shahidah Hub.



#### **MANASIK UMRAH & DOA**

1. Menjelang keberangkatan (ms 57).
2. Pakaian Ihram (ms 16).
3. Tawaf (ms 84).
4. Sa'i (ms 110).
5. Tahallul (ms 143)
6. Solat Jamak dan Qasar (ms 40).
7. Solat Jenazah (ms 45).

Blank (Pg. X)

Ref: *[UMRAH-Syahidah]*

## TAUBAT

Sebagai pembukaan marilah kita melakukan taubat dahulu kepada Allah s.w.t.

Sesungguhnya Allah menyukai hamba-hamba-Nya yang sentiasa bertaubat dan mensucikan diri. Kita sebagai hamba-Nya yang lemah tidak terlepas dari dosa. Maka Nabi mendidik ummatnya untuk sentiasa meminta keampunan dari Allah s.w.t.

Ibnu Mas'ud r.a. berkata, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Barangsiapa berkata:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ  
الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ.

*Astaghfirullaahal 'Azhim alladzi laa ilaaha illa huwal hayyul qayyumu wa atuubu ilaihi.*

Ertinya: "Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung yang mana tiada

Tuhan melainkan Dia Yang Hidup lagi berdiri dengan sendiri-Nya, dan aku bertaubat kepada-Nya.”

Maka diampunkan dosanya walaupun ia lari dari medan perang.

Dan Nabi s.a.w. bersabda lagi: “Tidak berkekalan melakukan dosa orang yang memohon ampun walaupun kembali melakukan dosa tujuh puluh kali sehari.”

Dari Abu Hurairah ujarnya, Rasulullah bersabda: “Barangsiapa mengucapkan:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ.

*Subhanallaahi wabihamdihi.* (100 kali), maka akan dihapuskan dari dirinya segala kesalahannya sekalipun banyaknya serupa buih di lautan.”

Doa ini dibaca oleh Nabi Adam a.s. selepas melakukan Tawaf, memohon kepada Allah s.w.t. supaya diampunkan dosa-dosanya.

اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ سِرِّي وَعَلَانِيَتِي، فَاقْبَلْ  
مَعْدِرَتِي. وَتَعْلَمُ حَاجَتِي، فَأَعْطِنِي سُؤْلِي.  
وَتَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي، فَاعْفِرْ لِي ذَنْبِي.  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا دَائِمًا يُبَاشِرُ  
قَلْبِي، وَأَسْأَلُكَ يَقِينًا صَادِقًا حَتَّى أَعْلَمَ أَنَّهُ  
لَنْ يُصِيبَنِي إِلَّا مَا كَتَبْتَهُ عَلَيَّ، وَرَضِنِي بِمَا  
قَسَمْتَهُ لِي، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

“Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui perkara yang tersembunyi dan yang terang dariku, maka terimalah keuzuranku. Engkau mengetahui hajatku, maka kabulkanlah permintaanku. Engkau yang mengetahui apa yang di dalam diriku, maka ampunilah dosaku.

Ya Allah, aku bermohon mendapat keimanan yang sentiasa hidup dalam hatiku dan keyakinan yang benar hingga aku yakin tidak ada sesuatu yang menimpaku melainkan apa yang telah Engkau tuliskan buatku, maka redhakanlah aku dengan apa yang Engkau bahagikan untukku. Ya Tuhan Yang Mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”

\*\*\*

#### PENGHULU ISTIGHFAR

«اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.»

4

*Allahumma anta rabbii laa ilaaha illaa anta khalaqtani, wa ana 'abduka wa ana 'alaa ahdika wa wa'dika mastatha'tu. A'uudzu bika min syarri maa shana'tu, abuu-u laka bini'matika 'alayya wa abuu-u bidzambii faghfirlii, fainnahanu laa yaghfirudz-dzunuuba ilaa anta.*

Ertinya: “Ya Allah, Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau yang menjadikan aku, aku hamba-Mu, dan semampuku aku setia atas janjiku kepada-Mu. Aku berlindung dengan -Mu dari kejahatan yang aku telah lakukan. Aku mengakui nikmat-Mu ke atasku, dan aku mengakui dosaku kepada-Mu, maka ampunilah aku, kerana sesungguhnya tiada siapa yang dapat mengampuni segala dosa melainkan Engkau.”<sup>(1)</sup>

1. Ini adalah penghulu segala *Istighfar*. Sesiapa yang membacanya ketika pagi dan petang lalu mati ia pada hari itu jadilah ia dari ahli Syurga,

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



## ***CARA-CARA MENGERJAKAN UMRAH***

Fahami lebih mendalam mengenai manasik Umrah dengan melayari video yang telah kami sediakan.



Ref: *[UMRAH-Syahidah]*

## IBADAH UMRAH DAN KEUTAMAANNYA

Firman Allah Ta‘ala:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ.

*“Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah.” (Al-Baqarah: 196)*

Dari Abi Hurairah r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةَ.

*“Satu Umrah ke satu Umrah menghapuskan dosa di antara keduanya, dan Haji yang mabrur tiada balasan baginya*

8

Ref: [UMRAH-Syahidah]

*melainkan syurga.”* (Hadis riwayat Jamaah  
melainkan Abu Daud).

Diterima dari Aisyah r.a. katanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ! هَلْ عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ؟ قَالَ:  
نَعَمْ. جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ: «الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ».

*“Saya tanyakan kepada Rasulullah:  
“Wahai Rasulullah, adakah pada wanita itu  
jihad?” Jawab Baginda: “Ya, jihad tanpa  
pertempuran, iaitu Haji dan Umrah.”*

(Hadis riwayat Ibnu Majah dan lain-lain  
dengan sanad-sanad yang sah).

Umrah bererti, berkunjung ke Baitullah  
Al-Haram dengan niat mengerjakan ibadah  
Umrah dan ia boleh dikerjakan pada bila-bila  
masa sahaja, tetapi lebih utama pada bulan  
Ramadhan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حَجَّةً.

*“Berumrah pada bulan Ramadhan sama nilainya dengan Haji.”*

(Hadis riwayat Ibnu Majah).

### **SEBAHAGIAN DARI KELEBIHAN DAN HIKMAH UMRAH**

Setiap ibadat yang telah diperintahkan Allah Ta‘ala untuk kita mengerjakannya sudah tentu mengandungi banyak kelebihan dan hikmahnya, begitulah pula halnya dengan ibadah Umrah, maka di antara hikmahnya ialah:

- Melahirkan tanda tunduk dan patuh kepada perintah Allah Ta‘ala.
- Mensyukuri nikmat-Nya yang tidak terkira.

10

Ref: [UMRAH-Syahidah]

- Menguatkan keimanannya dan keyakinan terhadap ajaran Islam dengan melihat tempat-tempat bersejarah sejak Islam mula berkembang.
- Menambahkan pengetahuan di bidang sejarah perkembangan agama Allah sejak zaman dahulu hingga ke zaman Nabi Muhammad s.a.w.
- Mendidik diri supaya khusyuk dan tawadhuk sebagai hamba Allah Ta'ala.
- Dapat berkenalan dan memperkuat lagi ukhuwah Islamiyah.
- Melatih umat Islam menagatur ekonominya dengan adanya usaha-usaha urusan Umrah.
- Orang yang mengerjakannya dengan ikhlas akan dapat pengampunan dan keredhaan Allah Ta'ala.

\*\*\*

## **ADAB-ADAB BATIN SEMASA MENGERJAKAN UMRAH**

Di antara adab-adab batin yang perlu diperhatikan adalah sebagai berikut:

- Perbelanjaan yang digunakan untuk itu, hendaklah dari harta yang halal, dan perhatian serta maksud atau niat beribadat semata-mata kerana Allah Ta'ala dan membesarkan syariat-Nya.
- Luaskanlah bekal dalam melaksanakannya, gunakanlah kesempatan untuk melahirkan kebaikan budi dan hati dengan memperbanyak sedekah, tidak terlalu bakhil dan tidak terlalu boros.
- Jangan melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan nafsu syahwat, sama ada melalui perbualan, bercumbuan atau penglihatan.
- Jangan melakukan perbuatan fasiq, iaitu segala perbuatan yang boleh menarik

seseorang jauh dari mentaati Allah Ta'ala,

- Jangan bertengkar atau bergaduh yang boleh membawa kepada permusuhan di antara satu sama lain.
- Jauhilah dari berpakaian yang berlebihan, jangan berlagak seperti orang-orang yang boros dan sombong.
- Apabila memasuki kota Makkah, hendaklah dimaklumi bahawa ia telah berada di kawasan suci, maka sewajarnya ia merasa bimbang kalau-kalau ia bukan ahli yang mendekati diri kepada Allah Ta'ala. Oleh itu hendaklah ia sentiasa mengharapkan rahmat dari Allah Ta'ala.
- Ketika melihat Ka'abah, hendaklah dirasakan kebesaran dan keagungan Allah, dan penuh harapan akan dapat melihat Allah Ta'ala di hari kiamat kelak.
- Semasa bertawaf mengelilingi Ka'abah, hendaklah ia merasakan dirinya seperti Malaikat Muqarrabin yang sentiasa

berada di sekitar Arasy Allah dan sedang bertawaf di sekelilingnya.

- Ketika bersa'i antara Safa dan Marwah, hendaklah merasakan betapa seseorang hamba itu sentiasa merasa bimbang tentang kemusnahan diri dan miliknya, dengan berulang kali pergi dan kembali untuk menunjukkan keikhlasan dan pengabdianya, sambil mengharapkan perhatian Tuhan dengan pandangan penuh rahmat.
- Semasa bercukur / menggunting rambutnya, hendaklah dirasakan betapa seorang hamba itu akan menurut perintah tanpa banyak bicara dan menunjukkan sikap perhambaan, dan mengharapkan supaya Tuhannya menghapuskan semua dosanya serta dimuliakan darjatnya.

\* \* \*



## **RUKUN DAN WAJIB UMRAH**

### ***Rukun Umrah***

1. Niat mengerjakan Umrah
2. Tawaf.
3. Sa'i.
4. Bercukur atau bergunting.
5. Tertib.

### ***Wajib Umrah***

1. Niat Umrah di tempat Miqat.
2. Meninggalkan semua larang di dalam ihram.

## **CARA MENGERJAKAN UMRAH**

### ***1. Berniat mengerjakan Umrah***

Sebelum berniat ihram Umrah, sewajarnya seseorang itu menyempurnakan beberapa perkara dan adab-adab berihram sebagaimana di bawah ini:

### ***Pakaian Ihram***

Sebelum seseorang mengerjakan Umrah di Miqat hendaklah dia memakai pakaian ihram terlebih dahulu.

#### ***Pakaian Ihram Bagi Lelaki:***

Hendaklah dia memakai dua helai kain lepas (tidak bercantum). Sehelai dijadikan kain untuk menutup auratnya, dan sehelai lagi dijadikan selendang untuk menutupi sebahagian badannya. Jelasnya hendaklah ia menanggalkan semua jenis pakaian yang berjahit dan bercantum dari tubuhnya seperti: Baju, seluar, songkok dan sebagainya.

#### ***Pakaian Ihram Bagi Perempuan:***

Hendaklah dia memakai pakaian yang menutupi seluruh badannya, kecuali muka dan dua tapak tangannya (hingga pergelangan tangan) sahaja seperti pakaian dalam sembahyang.

Perlu diingat, bahawa menutup aurat bagi wanita bukan hanya mesti di dalam ihram atau di dalam solat sahaja, tetapi ia wajib menutup auratnya apabila berada di kalangan lelaki yang bukan mahramnya.

***Sebahagian Dari Sunat-sunat Ihram:***

- Membersihkan diri. Ini dapat dilakukan dengan mengerat kuku, menanggalkan bulu ketiak dan ari-ari, mendandan misai, janggut dan rambut serta mandi.

Contoh mandi sunat ihram:

نَوَيْتُ الْغُسْلَ سُنَّةً لِلْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku mandi sunat untuk berhram kerana Allah Ta‘ala.”*

- Memakai minyak rambut dan minyak wangi bagi lelaki. Dan bagi wanita dilarang memakai wangi-wangian apa-

bila keluar rumah walaupun untuk menunaikan ibadah Haji dan Umrah.

- Memakai pakaian ihram berwarna putih dan bersih.
- Sembahyang sunat untuk berihram dua rakaat jika berihram bukan pada waktu terlarang mengerjakan sembahyang di luar Tanah Haram.

Contoh niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِحْرَامِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku sembahyang sunat ihram dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”*

Pada rakaat pertama sunat membaca Surah *Al-Kafirun* selepas membaca Surah *Al-Fatihah*, dan pada rakaat kedua sunat pula membaca Surah *Al-Ikhlash* selepas membaca Surah *Al-Fatihah*. Setelah memberi salam barulah berniat untuk mengerjakan Umrah.

Contoh niat Umrah:

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

“Aku niat Umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta‘ala.”

- Membanyakan bacaan talbiah selepas niat:

Bacaan talbiah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ  
الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ.

“Aku sambut seruan-Mu ya Allah, aku sambut seruan-Mu, aku sambut seruan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu, aku sambut seruan-Mu, sesungguhnya segala puji dan nikmat bagi-Mu demikian juga kekuasaan, tiada sekutu bagi-Mu.”

## **BADAL UMRAH**

Adalah bagi mereka yang ingin mengerjakan Umrah untuk yang telah kembali ke rahmatullah atau yang tidak terdaya melakukannya.

Niat di miqat seperti berikut:

*“Sahaja aku mengerjakan Umrah  
untuk*

.....  
*dan berihram dengannya untuk dia  
kerana Allah.”*

\* \* \*

## **LARANGAN-LARANGAN SEMASA IHRAM**

Setelah seseorang itu berniat untuk mengerjakan Umrah, wajiblah dia menjauhi

20

Ref: [UMRAH-Syahidah]

larangan-larangan semasa ihram, seperti:

- [1] Menutup kepala atau sebahagian daripadanya bagi lelaki.
- [2] Memakai pakaian bersarung sama ada berjahit atau sebagainya bagi lelaki, seperti seluar, baju dan sebagainya.
- [3] Menutup muka.
- [4] Memakai sarung tangan.
- [5] Menggunakan wangi-wangian atau menghidunya.
- [6] Memakai minyak di rambut atau di janggut.
- [7] Menanggalkan rambut atau menghilangkan mana-mana bulu di badan.
- [8] Mengerat atau mananggalkan kuku.
- [9] Akad nikah.
- [10] Bersetubuh.
- [11] Melakukan perkara pendahuluan bersetubuh seperti berciuman atau berpelukan yang membangkitkan syahwat.

[12] Menebang atau mencabut pokok yang tumbuh di Tanah Haram.

[13] Memburu binatang darat yang halal dimakan.

## 2. *Tawaf*

Firman Allah Ta‘ala:

وَلِيَطُوفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ.

“Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Ka‘abah) yang tua sejarahnya itu.” (Al-Hajj: 29)

Tawaf ialah mengelilingi Ka‘abah sebanyak tujuh kali keliling, di mana diakhiri di penjuru Hajar Al-Aswad dengan syarat-syarat yang tertentu. Dan tawaf adalah salah satu dari rukun-rukun Umrah yang tertentu. Dan tawaf itu juga adalah salah satu dari



rukun-rukun Umrah yang mesti dikerjakan, jika ditinggalkan ibadat Umrahnya tidak sah.

#### **TAWAF ADA LIMA MACAM**

Jenisnya	Hukumnya
1. Tawaf Qudum (Tawaf permulaan/ selamat datang).	Sunat
2. Tawaf Haji/Umrah	Rukun
3. Tawaf Tahiyat/Sunat	Sunat
4. Tawaf Nadzar	Wajib
5. Tawaf Wada'	Wajib

Cara mengerjakan kelima-lima tawaf ini adalah sama.

#### ***Syarat-syarat Mengerjakan Tawaf:***

- a. Suci dari hadas dan najis.
- b. Menutup aurat.

- c. Memulakan tawaf dari rukun Hajar Al-Aswad atau tempat yang sejajar dengannya
- d. Semua badan orang yang bertawaf itu hendaklah berada di luar bahagian Ka'abah, termasuk Hijir Ismail dan Syadzarwan.
- e. Jadikan Ka'abah di sebelah kirinya dalam keseluruhan tawafnya.
- f. Tawaf hendaklah dikerjakan di dalam Masjid Al-Haram.
- g. Jangan ada niat lain selain dari tawaf.
- h. Berniat tawaf jika bukan tawaf Haji atau Umrah.
- i. Cukup tujuh keliling dengan yakin.

***Beberapa Sunat Tawaf:***

- a. Melakukan tawaf dengan berjalan kaki.
- b. Mengucup Hajar Al-Aswad atau istilam atau isyarat sahaja di permulaan tawaf pada tiap-tiap pusingan.

- c. Memendekkan langkah.
- d. Dekat dengan Ka'abah.
- e. Membaca doa, zikir atau Al-Qura'an.
- f. Istilam di rukun Yamani.
- g. Berlari-lari anak pada tiga pusingan pertama bagi lelaki sahaja pada tawaf yang diiringi dengan Sa'i sesudahnya (tawaf Qudum/Haji/Umrah) serta melakukan idhthiba' iaitu kain selendang ihram dipakai dengan membuka bahu kanan.
- h. Berturut-turut.
- i. Tawaf dengan tawadhuk dan khusyuk.
- j. Sembahyang dua rakaat di belakang makam Ibrahim jika dapat atau di mana-mana sahaja di dalam Masjid Al-Haram setelah selesai tawaf.

Untuk mengerjakan tawaf Haji atau Umrah tidaklah dituntut membaca niat di permulaan tawaf, kerana ianya telah termasuk di dalam niat semasa ihram dahulu, namun demikian baik juga kita membacanya.

1. Contoh Niat Tawaf Umrah:

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ  
الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku mengerjakan tawaf di rumah ini 7 kali keliling tawaf Umrah kerana Allah Ta‘ala.”*

2. Contoh Niat Tawaf Sunat:

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ  
تَعَالَى.

*“Sengaja aku mengerjakan tawaf di rumah ini 7 kali keliling kerana Allah Ta‘ala.”*


3. Contoh Niat Tawaf Wada':

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ  
الْوَدَاعِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku mengerjakan tawaf di rumah ini 7 kali keliling tawaf Wada' kerana Allah Ta'ala.”*

\* \* \*

## RAJAH KA'ABAH



## CARA-CARA MENGERJAKAN TAWAF

Sebelum anda memulakan tawaf, hendaklah terlebih dahulu anda mensucikan diri dari najis dan hadas, Kemudian menutup aurat, setelah itu masuklah ke Masjid Al-Haram dengan mendahulukan kaki kanan, sambil membaca doa masuk ke masjid.

[1] Sebelum memulakan tawaf eloklah anda berdiri di penjuru Hajar Al-Aswad atau di belakang garisan yang setentang dengannya. Menghadaplah ke Ka'abah dengan sepenuh tubuh sambil berniat tawaf:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ  
أَشْوَاطٍ طَوَافٍ ..... فَيَسِّرْهُ لِي  
وَتَقَبَّلْهُ مِنِّي لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Ya Allah! Aku hendak mengerjakan tawaf di rumah suci-Mu ini iaitu tawaf .....  
..... 7 kali keliling, maka permudahkanlah bagiku dan terimalah dariku, kerana Allah Ta’ala.”*

[2] Mulakan dengan mengucup Hajar Al-Aswad jika dapat, jika tidak dapat juga cukuplah dengan isyarat sahaja (melambaikan tangan) ke arah Hajar Al-Aswad. Kemudian mengucup tangannya.

[3] Berpaling dengan mengirikan Ka’abah. Mulalah berjalan ke hadapan mengelilingi Ka’abah sambil berdoa, berzikir, membaca Al-Quran dan sebagainya (mengikut keinginan masing-masing).

Dari garisan penjuru Hajar Al-Aswad itu dikira permulaan tawaf, setelah sampai di rukun Yamani disunatkan istilam. Apabila sampai di Hajar Al-Aswad sayugialah mengucupnya (jika ada kemudahan), jika tidak dapat sentuhlah dengan tangan, jika

30



tidak dapat juga cukuplah dengan melambai-lambaikan tangannya, maka dengan sesampainya di Hajar Al-Aswad kembali dikira satu pusingan.

Dan setelah selesai satu pusingan, maka teruskanlah dengan pusingan yang kedua, ketiga dan seterusnya sampai tujuh pusingan dengan membaca doa yang baik-baik atau doa-doa yang terdapat di dalam kitab-kitab pedoman Haji dan Umrah.

Setelah selesai tawaf, disunatkan sembahyang dua rakaat di belakang makam Ibrahim, jika tidak dapat, sembahyanglah di mana-mana sahaja di dalam Masjid Al-Haram.

Contoh niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَّافِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku sembahyang sunat tawaf dua rakaat kerana Allah Ta’ala.”*

Selepas membaca Al-Fatihah pada rakaat pertama bacalah surah Al-Kafirun, dan pada rakaat kedua pula setelah membaca Al-Fatihah bacalah surah Al-Ikhlash.

Setelah sembahyang dan berdoa, disunatkan pula meminum air Zamzam sambil menghadap ke arah Kiblat dan berdoa untuk kebaikan dunia dan akhirat.

### 3. Sa'i

Setelah meminum air Zamzam, berjalanlah menuju ke bukit Safa untuk melakukan Sa'i.

Firman Allah Ta'ala:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ  
الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا.  
وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

“*Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada syi‘ar (lambang) agama Allah, maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah, atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersa‘i (berulang alik) di antara keduanya. Dan sesiapa dengan kerelaan hati mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.*” (Al-Baqarah: 158)

Terdapat juga keterangan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ  
لَمَّا فَرَغَ مِنْ طَوَافِهِ أَتَى الصَّفَا فَعَلَا عَلَيْهِ حَتَّى  
نَظَرَ إِلَى الْبَيْتِ، فَرَفَعَ يَدَيْهِ، فَجَعَلَ يَحْمَدُ اللَّهَ  
وَيَدْعُو مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَدْعُوَ.

— | | —

*“Diterima dari Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. semasa telah selesai mengerjakan tawaf, Baginda pergi ke Safa lalu naik ke atasnya, lantas melihat ke arah Baitullah dan mengangkat kedua belah tangannya dan berdoa apa yang dikehendaki oleh Allah untuk didoakannya.”*

(Hadis riwayat Muslim dan Abu Daud)

#### ***Pengertian Sa‘i***

Sa‘i berjalan ulang-alik dari Bukit Safa ke Bukit Marwah sebanyak 7 kali, dalam rangka mengerjakan ibadat Umrah dengan syarat-syarat tertentu. Sa‘i adalah satu dari rukun-rukun umrah yang mesti dikerjakan, maka jika ditinggalkan Umrahnya tidak sah.

#### **SYARAT-SYARAT MENERJAKAN SA‘I**

- a. Hendaklah dikerjakan selepas tawaf.
- b. Mulai dari Bukit Safa dan disudahi di Bukit Marwah.

34

— | | —

Ref: [UMRAH-Syahidah]

- c. Cukup tujuh kali pusingan dengan yakin, yaitu dikira dari Safa ke Marwah sekali dan dari Marwah ke Safa sekali.

***Pengertian Mengerjakan Sa'i:***

- [1] Dari Safa ke Marwah.
  - [2] Dari Marwah ke Safa.
  - [3] Dari Safa ke Marwah.
  - [4] Dari Marwah ke Safa.
  - [5] Dari Safa ke Marwah.
  - [6] Dari Marwah ke Safa.
  - [7] Dari Safa ke Marwah. (selesai).
- d. Melakukan Sa'i hendaklah hingga sampai penghujung tempat Sa'i di Bukit Safa dan di Bukit Marwah, yaitu tempat yang dikehendaki pada tiap-tiap kali bersa'i.
- e. Hendaklah dikerjakan di tempat Sa'i (tempat yang termaklum).
- f. Jangan merosakkan niat bersa'i.

### **BEBERAPA SUNAT SA‘I**

- a. Masuk ke tempat Sa‘i dari Babus-Safa.
- b. Naik ke Bukit Safa Marwah, bererti menghadap ke Ka‘abah sambil bertakbir dan membaca doa.
- c. Sa‘i dengan berjalan kaki.
- d. Memakai ihram cara *idthiba‘* bagi lelaki.
- e. Berlari-lari anak bagi lelaki sahaja, apabila sampai di tiang hijau sambil berdoa.
- f. Membaca zikir atau doa semasa Sa‘i.
- g. Dalam keadaan suci.
- h. Berturut-turut.

#### ***Perhatian:***

Semasa mengerjakan Sa‘i boleh berhenti jika masuk waktu sembahyang atau terlalu penat, kemudian hendaklah menyambung kembali dari tempat yang anda berhenti.

#### ***4. Bercukur / Bergunting***

*[Bercukur]*: Ialah menghilangkan semua rambut di kepala dengan menggunakan pisau cukur atau sebagainya kerana bertahallul. Dan bercukur itu hanya disunatkan bagi lelaki sahaja.

*[Bergunting]*: Ialah mengambil atau menggunting rambut kepala sekurang-kurangnya 3 helai rambut kerana bertahallul.

Hukumnya: Ianya merupakan salah satu dari rukun-rukun Umrah, maka jika tidak dikerjakan tidaklah sah Umrahnya.

#### ***Sunat semasa bercukur dan bergunting***

- a. Dimulai dari sebelah kanan.
- b. Menghadap ke arah kiblat.
- c. Membaca takbir, selawat dan doa.

#### ***Perhatian:***

Bagi mereka yang tidak mempunyai rambut (botak) disunatkan melalukan mata pisau cukur di atas kulit kepalanya sahaja.

***Pengertian Tahallul:***

Ialah dengan bercukur / menggunting rambut di kepala sekurang-kurangnya tiga helai rambut setelah mengerjakan Tawaf dan Sa'i dan sunat dilakukan di Marwah.

***Perhatian:***

Mencabut, menebang atau megerat pokok dan tumbuh-tumbuhan di Tanah Haram dan memburu binatang yang halal dimakan di Tanah Haram adalah haram, sekalipun seseorang itu telah bertahallul kerana kemuliaan Tanah Haram.

***5. Tertib:***

Hendaklah rukun-rukun Umrah tersebut dilakukan mengikut susunannya satu persatu. Dengan ini selesailah ibadat Umrah tersebut. Jelasnya bebaslah dari pantang larang semasa berihram.

38



## TAWAF WADA'

Dari Ibnu Abbas r.a. katanya:

*“Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan orang banyak supaya melakukan tawaf terakhir di Baitullah sebelum pulang, kecuali yang diberi keringanan iaitu perempuan haidh.”*  
(Riwayat Muslim)

Setiap orang yang tinggal di luar dari kawasan Miqat, wajiblah atasnya mengerjakan Tawaf Wada' apabila ia akan keluar meninggalkan Makkah.

- Bagi orang yang tinggal di kawasan Tanah Haram dan dalam kawasan Miqat tidaklah diwajibkan atasnya mengerjakan Tawaf Wada' apabila selesai menunaikan ibadat Haji dan Umrah.
- Bagi wanita yang kedatangan haidh atau nifas dikecualikan dari mengerjakan Tawaf Wada', apabila mereka akan meninggalkan Makkah. Namun demikian

amat baik baginya pergi ke Masjid Al-Haram, sambil berdiri di luar masjid dan menghadap ke arah Ka'abah untuk berdoa di situ.

\* \* \*

### JAMAK DAN QASAR

Orang yang di dalam perjalanan yang tidak maksiat boleh mengumpulkan (menjamakkan) dan mengqasarkan solatnya.

#### *Contoh-contoh niat solat Qasar dan Jamak Taqdim:*

1. Niat solat Qasar dan Jamak Taqdim.
  - (a) Zuhur dan Asar (dilakukan dalam waktu Zuhur):

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رُكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ  
العَصْرِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku solat fardhu Zuhur dua rakaat qasar dihimpunkan kepadanya Asar tunai kerana Allah Ta‘ala.”

Setelah selesai memberi salam hendaklah segera solat Asar pula. Niatnya:

أُصَلِّي فَرَضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku solat fardhu Asar dua rakaat qasar kerana Allah Ta‘ala.”

(b) Niat solat Maghrib dan Isyak (dilakukan dalam waktu Maghrib):

أُصَلِّي فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا  
إِلَيْهِ الْعِشَاءُ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku solat fardhu Maghrib tiga rakaat dihimpunkan kepadanya Isyak tunai kerana Allah Ta‘ala.”

Setelah selesai memberi salam hendaklah segera solat Isyak pula. Inilah lafaz niatnya:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رُكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku solat fardhu Isyak dua rakaat qasar kerana Allah Ta’ala.”*

2. Niat solat Qasar dan Jamak Takakhir.
  - (a) Zuhur dan Asar (dilakukan solat Zuhur dalam waktu Asar):

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رُكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku solat fardhu Zuhur dua rakaat qasar dihimpunkan kepada Asar kerana Allah Ta’ala.”*

Setelah selesai memberi salam dikerjakan pula solat Asar. Niatnya:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ رُكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku solat fardhu Asar dua rakaat qasar tunai kerana Allah Ta’ala.”*

**Contoh-contoh Niat solat Qasar dan Jamak Takkhir:**

(b) Niat solat Maghrib dan Isyak (dikerjakan solat Maghrib dalam waktu Isyak):

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رُكْعَاتٍ مَجْمُوعًا  
إِلَى الْعِشَاءِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Sengaja aku solat fardhu Maghrib tiga rakaat dihimpunkan kepada Isyak kerana Allah Ta’ala.”*

Setelah selesai memberi salam hendaklah dikerjakan solat Isyak pula. Inilah lafaz niatnya:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رُكُوعَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku solat fardhu Isyak dua rakaat qasar tunai kerana Allah Ta‘ala.”

**Perhatian:**

- Solat jamak Takkhir boleh dikerjakan dengan menunaikan solat Asar diikuti dengan Zuhur, atau Isyak diikuti dengan Maghrib, tetapi elok didahulukan solat Zuhur kemudian diikuti dengan Asar, begitu juga solat Maghrib diikuti dengan solat Isyak. Melainkan jika waktunya sempit maka wajib didahulukan solat yang empunya waktu.
- Solat jamak dibuat dengan satu azan dan dua iqamah.
- Jika solat dilakukan dengan berjamaah maka makmum hendaklah menambah kalimah ‘*makmuman*’ dan imam dengan kalimah ‘*imaman*’ di dalam niatnya.

## RUKUN DAN SOLAT JENAZAH

- [1] Berdiri jika terdaya.
- [2] Berniat. Contohnya:

أُصَلِّي عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ الْإِمَامُ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Aku menyembahyangkan mayat ini seperti yang disembahyangkan oleh imam kerana Allah Ta‘ala.”*

- [3] Takbir 4 kali (termasuk takbiratul-ihram).
- [4] Membaca surah Al-Fatihah selepas takbiratul-ihram.
- [5] Membaca selawat selepas takbir yang kedua:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ.

*“Allahumma solli ‘ala Muhammad wa‘ala ali Muhaammad.”*

[6] Mendoakan mayat selepas takbir yang ketiga:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ.

“*Allahummaghfir lahu warhamhu.*”<sup>(1)</sup>

Ertinya: “*Ya Allah, ampuni dan rahmatkanlah dia.*”

[7] Memberi salam selepas takbir yang keempat. (sebaiknya baca doa sebelum memberi salam):

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَأَغْفِرْ  
لَنَا وَلَهُ.

“*Allahumma la tahrinna ajrahu wala taftinna ba’dahu waghfir lana walahu.*”<sup>(2)</sup>

1. Jika mayat perempuan perkataan [ لَهُ ] ditukar dengan [ لَهَا ].
2. Jika mayat perempuan perkataan [ أَجْرَهُ ] ditukar dengan [ أَجْرَهَا ] dan [ بَعْدَهُ ] dengan [ بَعْدَهَا ].



Ertinya: “*Ya Allah, janganlah Engkau rugikan kami dari mendapat ganjarannya, janganlah Engkau beri kami fitnah sesudah ditinggalkan dan ampunilah kami dan dia.*”

## **CARA SOLAT JENAZAH**

### ***Syarat-syaratnya:***

Syarat-syarat solat yang lain juga, menjadi syarat solat jenazah, seperti:

- Menutup aurat, suci badan, pakaian dan tempat solat serta menghadap ke kiblat.
- Mayat sudat dimandikan dan dikafani.
- Letak mayat itu melintang di hadapan orang yang menyembahyangkannya melaikan mayat yang ghaib.

### ***Rukun-rukunnya:***

- [1] Berdiri jika terdaya.
- [2] Berniat. Contohnya, bagi yang hadir:

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ فَرَضَ كِفَايَةَ أَرْبَعِ  
تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Aku menyembahyangkan mayat ini fardhu kifayah empat takbir kerana Allah Ta‘ala.”*

Bagi mayat yang ghaib niatnya (sebut namanya):

أُصَلِّي عَلَى الْمَيِّتِ الْغَائِبِ (فُلَانِ بْنِ فُلَانٍ)  
فَرَضَ كِفَايَةَ أَرْبَعِ تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Aku menyembahyangkan mayat yang ghaib (Fulan bin Fulan) fardhu kifayah empat takbir kerana Allah Ta‘ala.”*

Bagi mayat yang tidak diketahui adakah ia seorang laki-laki atau perempuan, maka niatnya:

48

أُصَلِّي عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ الْإِمَامُ فَرَضَ كِفَايَةً  
أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Aku menyembahyangkan atas mayat yang disembahyangkan oleh imam fardhu kifayah empat takbir kerana Allah Ta‘ala.”*

\* \* \*

## PENGHAYATAN ROHANI

### *Umrah dengan badan, Umrah dengan akal fikiran dan Umrah dengan hati*

■ Ketika anda mandi, sebelum berada di dalam keadaan berihram, anda seolah-olah 'membersihkan diri' dari kesilapan dan dosa yang lalu dan menyatakan kepada yang Maha Kuasa yang anda sudah bersiap sedia untuk memulakan hidup baharu yang dirahmatinya.

■ Kain ihram adalah pakaian yang melambangkan kebenaran, kesucian, kesederhanaan dan ketakutan. Anda mestilah menjauhi diri dari segala yang menghalang mereka dari mengingati Allah Yang Maha Agung.

■ Berada dalam keadaan ihram adalah saat yang penuh erti tatkala anda menyedari yang harta dan kehendak dunia tidak diperlukan untuk menuju kepada Yang Maha Agung.

50

■ Seragam ihram yang membezakan anda sebagai tentera Tuhan Yang Esa. Ia menjadi lambang ketaatan dan khidmat pada Yang Maha Esa. Semuanya berbaris menuju ke suatu arah untuk menunjukkan kasih mereka kepada Tuhan.

■ Dua helai kain yang tidak berjahit (yang ditenun), menggantikan pakaian lelaki sebagai peringatan buat anda akan kain kafan, Supaya mereka dapat merasakan kematian sebelum ianya terjadi.

■ Ihram adalah tanda peringatan yang hebat bahawa kekayaan, kuasa dan status tiada ertinya dalam pergerakan hamba menuju kepada Pencipta Yang Mengasihi. Semua dipandang sama di sisi Tuhan.

■ Berada dalam keadaan ihram melambangkan pergerakan anda sentiasa dijauhi dari keadaan yang merugikan. Dengan mengikuti golongan yang beriman, beramal salih. Serta berpesan dengan perkara yang benar dan kesabaran.

■ Sebelum melalui Miqat, anda mesti menyatakan (mengucap) niat melakukan Umrah. Ini adalah pernyataan hamba terhadap seruan dari Yang Maha Kuasa; membawa seluruh diri dari sebuah kehidupan yang melalaikan kepada pengabdian di dalam Umrah.

■ Umrah bukanlah suatu pemergian. Ia adalah satu kepulangan, anda bukanlah ke Makkah tetapi pulang kepada Yang Maha Esa iatu Allah, sumber segala-galanya.

■ Anda adalah tetamu Yang Maha Kuasa. Tertakluk kepada peraturan Yang Maha Pelindung. Keadaan ini adalah sebagai peringatan buat anda yang anda adalah sekadar tetamu Allah di dunia tertakluk kepada undang-undang. Pemiliknya yang sebenar, Allah Yang Maha Agung. menyangkakan memiliki segala-galanya satu illusi dan ini adalah punca segala masalah kita.

■ Dalam melafazkan talbiyah, anda menyahut panggilan Allah Yang Maha

Mengasihani. Harus mengingat kembali saat apabila sangkakala yang kedua ditiup, manusia akan dibangkitkan di padang Mahsyar dibahagikan kepada dua golongan yang diberi nikmat dan dimurkai.

■ Ka'abah itu adalah lambang yang nyata (zahir) dipandang di dunia bagi Mahkamah Ilahi di alam ghaib.

■ Tiada apa-apa di dalam Ka'bah. Ianya adalah kasas kosong. Tetapi 'kekosongan' itu menyambung 'segala-galanya' iaitu Allah Yang Maha Kaya, Sumber buat segala-gala. Dalam menghadapnya, anda menguatkan lagi kepercayaan terhadap Pencipta Yang Maha Esa.

■ Apabila anda mengangkat tangan kanan, menghadap Hajar Al-Aswad lalu membaca "Dengan nama Allah, Allah Maha Besar" mengangkat sumpah (janji setia) di hadapan rumah Allah dan berikrar untuk memenuhi janji taatnya, iaitu menjalani kehidupan yang

digaris pandu oleh Allah. Dia menekankan ikrarnya berulang kali ketika Umrah.

■ Tiada tempat perhentian di kala tawaf. Ianya berakhir di tempat dimulakannya. Nyawa datang dari Tuhan dan ia akan dikembalikan kepada Tuhan juga.

■ Dalam tawaf, anda adalah sebahagian daripada dari sungai yang mengalir ke arah lautan kekal. Kehidupan ini adalah satu perjalanan pulang kepada Allah yang Maha Pengampun. Kehidupan di dunia ini adalah sementara. Manusia haruslah hidup seperti seorang pengembara.

■ Anda bergerak dalam putaran. Kerana ianya adalah satu perjalanan intisari. Ianya tidak lurus tetapi berputar. Ianya berakhir di tempat permulaan.

■ Konsep kebaratan, ketimuran, keselatan dan keutaraan yang dikenakan akan dimusnahkan. Allah adalah Tuhan Yang Agung



yang disembah diseluruh alam maya ini, sebelah timur dan juga barat.

■ Sa'i membawa kita kesedaran. Berusaha dan bertawakal kepada Allah s.w.t. akan membuahkan hasil yang betul, sama seperti apa yang dilakukan seorang ibu yang berlari-lari mencari air di padang pasir yang tandus.

■ Sa'i bukan sahaja usaha, ia lebih dari itu. Ia juga kasih sayang dan perasaan yang mendalam. Syurga tersentuh bila airmata seorang bayi mengikuti tangisan seorang ibu.

■ Allah adalah Maha Pengampun dan Dialah teman setia dalam segala usaha luhur kita. Tetapi Dia ingin kita membuat bahagian yang pertama kepada Hajar, keputusan dalam mencari Zamzam. Datang bukan dengan usaha tetapi setelah berusaha.

■ Anda tidak akan tahu sama ada Umrahnya telah diterima atau tidak. Dia akan merasai perubahan melalui hatinya dan tingkah lakunya.

**BACAAN  
SEMASA  
LAKUKAN UMRAH**

56

Ref: *[UMRAH-Syahidah]*

## MENJELANG KEBERANGKATAN

### *Sembahyang Sunat Safar:*

Apabila telah tiba masa untuk berangkat, sebelum keluar rumah, sembahyanglah dua rakaat sunat Safar.

Contoh niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ السَّفَرِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Safar dua rakaat kerana Allah Ta’ala.”

Pada rakaat pertama selepas membaca Surah *Al-Fatihah* dibaca Surah *Al-Kafirun* dan pada rakaat kedua selepas *Al-Fatihah*, dibaca Surah *Al-Ikhlash*. Di antara doa-doa yang baik selepas solat tersebut ialah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ

عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَأَنْتَ الْخَلِيفَةُ  
فِي الْأَهْلِ وَالْمَالِ وَالْوَلَدِ وَالْأَصْحَابِ، احْفَظْنَا  
وَإِيَّاهُمْ مِنْ كُلِّ آفَةٍ وَعَاهَةٍ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ  
فِي مَسِيرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا  
تَرْضَى.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَطْوِيَ لَنَا الْأَرْضَ ،  
وَتُهَوِّنَ عَلَيْنَا السَّفَرَ، وَأَنْ تَرْزُقَنَا فِي سَفَرِنَا هَذَا  
سَلَامَةَ الْبَدَنِ وَالدِّينِ وَالْمَالِ، وَتُبَلِّغَنَا حَجَّ بَيْتِكَ  
الْحَرَامِ، وَزِيَارَةَ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعْثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ  
الْمَنْظَرِ، وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْأَهْلِ وَالْمَالِ  
وَالْوَالِدِ وَالْأَصْحَابِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَإِيَّاهُمْ فِي  
جِوَارِكَ، وَلَا تَسْلُبْنَا وَإِيَّاهُمْ نِعْمَتَكَ، وَلَا تُغَيِّرْ  
مَا بَنَا وَبِهِمْ مِنْ عَافِيَتِكَ.  
اللَّهُمَّ إِلَيْكَ تَوَجَّهْتُ، وَبِكَ اعْتَصَمْتُ. اللَّهُمَّ  
اكَفِنِي مَا أَهَمَّنِي وَمَا لَمْ أَهْتَمَّ بِهِ. اللَّهُمَّ زَوِّدْنِي  
التَّقْوَى وَاغْفِرْ لِي ذَنْبِي.

*“Dengan nama Allah Yang Maha  
Pengasih lagi Maha Penyayang.*

*Ya Allah, Engkaulah rakan dalam  
perjalanan ini, dan Engkaulah juga pengganti  
yang tinggal dalam keluarga, harta, anak dan*

*sahabat. Peliharakanlah kami dan mereka dari segala penyakit dan bencana. Ya Allah, kami bermohon agar mendapat kebajikan dan taqwa dalam perjalanan kami ini. Dan dapat membuat amalan yang Engkau redhai.*

*Ya Allah, kami bermohon agar Engkau permudahkan perjalanan ini dan Engkau ringankan kesukarannya dan Engkau kurniakan kami perjalanan ini keselamatan pada badan, agama dan harta, dan Engkau sampakan kami menunaikan Haji ke rumah suci-Mu dan menziarahi Nabi-Mu Muhammad s.a.w.*

*Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu dari kepayahan perjalanan, buruk kesudahan dan pemandangan pada keluarga, serta anak dan sahabat. Ya Allah, letakkanlah kami dan mereka dalam perlindungan-Mu dan jangan Engkau tarik nikmat-Mu dari kami dan mereka dan janganlah Engkau ubahkan keyakinan yang ada pada kami dan mereka.*

*Ya Allah, aku menuju kepada-Mu dan berpegang dengan-Mu. Jagalah aku*

60

dalam perkara yang merungsingkan atau yang aku tidak ambil berat dengannya. Ya Allah, bekalkanlah aku dengan taqwa dan ampunilah dosaku.”

**Doa Keluar Rumah:**

بِسْمِ اللَّهِ آمَنْتُ بِاللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا  
حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ. رَبِّ أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ  
أَوْ أُضِلَّ، أَوْ أَذِلَّ أَوْ أُذِلَّ، أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزِلَّ، أَوْ  
أُظْلَمَ أَوْ أُظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ.  
اللَّهُمَّ إِنِّي لَمْ أَخْرُجْ أَشْرًا وَلَا بَطْرًا وَلَا  
رِيَاءً وَلَا سُمْعَةً، بَلْ خَرَجْتُ اتِّقَاءَ سَخَطِكَ  
وَقَضَاءَ فَرَضِكَ، وَاتِّبَاعَ سُنَّةِ نَبِيِّكَ، وَشَوْقًا إِلَى  
لِقَائِكَ.

*“Dengan nama Allah, aku beriman kepada Allah, aku berserah diri kepada Allah. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah. Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu jangan sampai aku sesat atau disesatkan, menganiaya atau dianiayakan, menjadi bodoh atau diperbodohkan.*

*Ya Allah, aku tidak keluar dengan tujuan jahat, kesombongan, menunjuk-nunjuk atau mencari nama, tetapi aku keluar kerana mengelakkan kemarahan-Mu, mencari keredhaan-Mu, menunaikan kewajipan terhadap-Mu, menurut sunnah Nabi-Mu dan merindukan pertemuan dengan-Mu.”*

**Bacaan Naik Kenderaan:**

بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ،  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ. مَا  
شَاءَ اللَّهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ. سُبْحَانَ



الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ. وَإِنَّا  
إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ.

*“Dengan nama Allah, dengan pertolongan Allah dan Allah Yang Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah Yang Maha Besar. Apa yang dikehendaki Allah pasti berlaku dan apa yang tidak, tidak akan berlaku. Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini buat kami, sedang kami tidak berkuasa atasnya dan kepada Tuhan kami, kami semua akan kembali.”*

**Doa Memasuki Suatu Negeri:**

اللَّهُمَّ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَمَا أَظْلَلْنَ، وَرَبُّ الْأَرْضِينَ  
وَمَا فِيهِنَّ، وَرَبُّ الشَّيَاطِينِ وَمَا أَضَلَّلْنَ، وَرَبُّ

الرِّيحِ وَمَا ذَرَيْنَ. أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذِهِ الْقَرْيَةِ وَخَيْرِ  
أَهْلِهَا وَخَيْرِ مَا فِيهَا، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ  
أَهْلِهَا وَشَرِّ مَا فِيهَا.

*“Ya Allah Penguasa tujuh langit dengan apa yang dalam lingkungannya, dan Penguasa bumi berserta seluruh isinya, Penguasa syaitan dan apa yang mereka sesatkan. Tuhan penguasa segala angin dan segala yang diterbangkannya. Aku mohon kepada-Mu kebaikan negeri ini dan kebaikan penduduknya serta segala yang ada di dalamnya, dan aku mohon perlindungan dari keburukan negeri ini dan kejahatan penduduknya serta segala yang ada di dalamnya.”*

\* \* \*

**A) CEKLIST CARA-CARA MENGERJAKA UMRAH BAGI JAMAAH YANG BERANGKAT DARI SINGAPURA KE MADINAH DAN MASUK KE MAKKAH MELALUI BAS :**

sila tandakan ✓ jika sudah melaksanakan

S/N	PERKERJAAN PELAKSANAAN
1	Mandi sunnah ihram di hotel (Madinah)
2	Memakai ihram di hotel
3	Ke Masjid Bi'ir Ali: -- Solat taiyatu'l masjid -- Solat Sunat Ihram -- Niat Umrah
4	Membaca talbiyah
5	Membaca doa masuk Tanah Haram Makkah (bila nampak Masjid Tan'im atau tanda permulaan Tanah Haram)
6	Membaca doa nampak kota Makkah
7	Membaca doa masuk Masjid Al-Haram
8	Membaca doa nampak Ka'abah
9	Bertawaf Umrah 7 kali pusingan keliling Ka'abah
10	Mengerjakan solat sunnah Tawaf
11	Membaca doa selepas Tawaf
12	Meminum air Zamzam
13	Mengerkan Sa'7 kali pusingan antara Safa dan Marwah
14	Bertahallul (menggunting rambut)

***Contoh Niat Mandi Sunat Untuk Ihram:***

Contoh niatnya:

نَوَيْتُ الْغُسْلَ لِسُنَّةِ الْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku mandi sunat ihram kerana Allah Ta‘ala.”

***Sembahyang Sunat Ihram:***

Setelah memakai ihram dirikanlah sembahyang sunat dua rakaat.

Contoh niatnya:

أُصَلِّي رُكْعَتَيْنِ سُنَّةَ الْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat ihram dua kerana Allah Ta‘ala.”

***Niat Umrah:***

Selepas sembahyang sunat Ihram dan apabila sampai di Miqat hendaklah menjatuhkan niat Umrah.

***Perhatian:***

Jangan melafazkan niat Umrah apabila masih berada di rumah atau di tempat-tempat selain daripada tempat Miqat.

***Miqat ialah:***

1. Jika program ke Makkah dahulu, di dalam pesawat 45 minit sebelum mendarat di Jeddah.
2. Dari Madinah di Bi'ir Ali (10 km dari Masjid Nabawi).
3. Kalau sudah berada di Makkah dan ingin mengulangi Umrah di Tan'im 5 km atau di Ja'ranah 22 km dari Masjid Al-Haram.
4. Jika naik pesawat daripada Madinah, Miqatnya di dalam pesawat 5 minit sebelum berangkat.

## BADAL UMRAH

Adalah bagi mereka yang ingin mengerjakan Umrah untuk yang telah kembali ke rahmatullah atau yang tidak terdaya melakukannya.

Niat di miqat seperti berikut:

*“Sahaja aku mengerjakan Umrah  
untuk*

.....  
*dan berihram dengannya untuk dia  
kerana Allah.”*


\* \* \*

Contoh niat Umrah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ الْعُمْرَةَ فَيَسِّرْهَا لِي، وَتَقَبَّلْهَا مِنِّي، وَأَعِنِّي عَلَيْهَا. نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Ya Allah, sesungguhnya aku ingin mengerjakan Umrah, maka mudahkanlah ianya bagiku dan terimalah ia dariku dan bantulah aku menyelesaikannya: Aku niat Umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta‘ala.”*

\* \* \*



Tanda permulaan sempadan Tanah Haram Makkah Al-Mukarramah

70

Ref: *[UMRAH-Syahidah]*





Tan'im

**BACAAN SEMASA MASUK KE  
TANAH HARAM MAKKAH:**

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا الْحَرَمَ حَرْمُكَ، وَالْبَلَدَ بَلَدُكَ،  
وَالْأَمْنَ أَمْنُكَ، فَحَرِّمْنِي عَلَى النَّارِ، وَأَمِّنِّي مِنْ  
عَذَابِكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ.

*“Ya Allah, Tanah Haram ini Tanah Haram-Mu dan negeri ini negeri-Mu dan keamanan ini keamanan-Mu, maka haramkanlah aku dari api neraka dan amankanlah aku di hari Engkau membangkitkan hamba-hamba-Mu.”*

\* \* \*

*Apabila Nampak Kota Makkah Bacalah:*

اللَّهُمَّ اجْعَلْ لِي بِهَا قَرَارًا، وَارْزُقْنِي فِيهَا رِزْقًا  
حَلَالًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا الْبَلَدَ  
بَلَدُكَ، وَالْبَيْتَ بَيْتِكَ، جِئْتُ أَطْلُبُ رَحْمَتَكَ، وَأَوْمُ  
طَاعَتِكَ، مُتَّبِعًا لِأَمْرِكَ، طَالِبًا لِثَوَابِكَ، رَاضِيًا  
بِقُدْرِكَ، مُسَلِّمًا لِأَمْرِكَ.

أَسْأَلُكَ مَسْأَلَةَ الْمُضْطَرِّ إِلَيْكَ، الْمُسْتَفِيقِ  
مِنْ عَذَابِكَ، أَنْ تَسْتَقْبِلَنِي بِعَفْوِكَ، وَأَنْ تَتَجَاوَزَ  
عَنِّي بِرَحْمَتِكَ، وَأَنْ تُدْخِلَنِي جَنَّتِكَ.

*“Ya Allah, jadikanlah negeri ini tempat yang tenang bagiku, dan kurniakanlah aku rezeki yang halal di dalamnya. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan selamatkanlah kami dari api neraka. Ya Allah, negeri ini negeri-Mu, dan rumah ini rumah-Mu, aku datang memohon rahmat-Mu dan tunduk mentaati-Mu dan mengikut perintah-Mu.*

*Aku bermohon sebagai permohonan orang yang terdesak yang takut dari azab-Mu, aku harap Engkau menerimaku dengan kemaafan, mengampuni dosaku dan memasukkan aku ke dalam syurga-Mu.”*

**Doa Ketika Ziarah Makkah:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ. وَإِنَّا إِنِ  
شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ. وَرَحِمَ اللَّهُ غُرَبَتَكُمْ،  
وَتَجَاوَزَ اللَّهُ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَسَيِّئَاتِكُمْ. اللَّهُمَّ لَا

تَحْرِمُنَا أَجْرَهُمْ، وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ، وَاعْفِرْ لَنَا  
وَلَهُمْ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ الْمَعْلَا.

*“Assalamualaikum wahai penghuni kaum yang beriman. Sesungguhnya kami insya Allah menuruti kamu dan akan bersama kamu. Allah merahmati pemergianmu, Allah mengampuni dosa-dosa kami dan dosa-dosa kamu.*

*Ya Allah, janganlah Engkau rugikan kami dari mendapat ganjaran mereka, dan janganlah Engkau beri fitnah sesudah ditinggalkan mereka, dan ampunilah kami dan mereka. Ya Allah, ampunilah ahli penghuni kuburan Ma‘ala.”*

#### ***Bacaan Semasa Masuk Masjid Al-Haram***

Sewaktu melangkah masuk ke masjid, disunatkan mendahulukan kaki kanan dan mengucapkan:

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، وَيُوجِّهُ الْكَرِيمِ، وَسُلْطَانِهِ  
الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَاْفْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ.  
وَأَدْخِلْنِي فِيهَا، وَسَهِّلْ لِي أَبْوَابَ رِزْقِكَ. اللَّهُمَّ  
هَذَا حَرْمُكَ وَمَوْضِعُ أَمْنِكَ، فَحَرِّمْ لِحِمِّي وَبَشْرِي  
وَعِظَامِي عَلَى النَّارِ. اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ  
السَّلَامُ، وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ، فَحِينَا رَبَّنَا  
بِالسَّلَامِ، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ، تَبَارَكْتَ  
رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَسْأَلُكَ أَنْ تَغْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي، وَتُقِيلَ عَثْرَتِي،  
وَتَضَعَ وِزْرِي، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*“Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Agung dan dengan Wajah-Nya Yang Maha Mulia serta kerajaan-Nya yang azali dari godaan syaitan yang terkutuk. Dengan nama Allah, (berikanlah rahmat kepada Muhammad).*

*Ya Allah ampunilah segala dosaku dan bukakanlah untukku semua pintu rahmat-Mu, dan masukkanlah aku ke dalamnya, serta permudahkanlah bagiku pintu-pintu rezeki-Mu.*

*Ya Allah, sesungguhnya tempat ini adalah tempat suci-Mu, dan tempat keamanan yang Engkau sediakan. Maka haramkanlah dagingku, kulitku dan tulangku dari api neraka.*

*“Ya Allah, ya Tuhan kami, Engkaulah keselamatan, daripada-Mu kembalinya keselamatan. Maka mudahkanlah kami dengan keselamatan dan masukkanlah kami ke dalam syurga tempat keselamatan dan kemuliaan.*

*Ya Allah, aku bermohon kepada-Mu agar Engkau mengampuni dosaku dan*

*menghapuskan kesalahanku dan meringankan beban yang memberatkanku, dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang.”*

***Satu Solat Di Masjid Al-Haram Sama Seperti 100 000 Kali Solat Di Masjid Yang Lain***

Sabda Nabi s.a.w. (yang bermaksud):

“Satu solat di Masjid Al-Haram menyamai seratus ribu kali solat, dan satu solat di Masjidku menyamai seribu kali solat, dan satu solat di Baitul Maqdis menyamai lima ratus kali solat.”



### KELEBIHAN KA'ABAH DAN MASJID AL-HARAM

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ لِلَّهِ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ  
عِشْرِينَ وَمِائَةَ رَحْمَةٍ، تَنْزِلُ عَلَى هَذَا الْبَيْتِ  
سِتُونَ لَلطَّائِفِينَ، وَأَرْبَعُونَ لَلْمُصَلِّينَ، وَعِشْرُونَ  
لَلنَّاظِرِينَ.

Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

*“Serataus dua puluh rahmat turun ke atas Ka’abah setiap hari dan malam; enam puluh untuk mereka yang melakukan Tawaf, empat puluh bagi mereka yang mendirikan solat dan dua puluh untuk mereka yang hanya melihat Ka’abah.”*

**BACAAN SEMASA MELIHAT  
KA'ABAH:**

اللَّهُمَّ زِدْ هَذَا الْبَيْتَ تَشْرِيفًا وَتَعْظِيمًا وَتَكْرِيمًا  
وَمَهَابَةً. وَزِدْ مَنْ شَرَّفَهُ وَعَظَّمَهُ مِمَّنْ حَجَّهُ أَوْ  
اعْتَمَرَهُ، تَشْرِيفًا وَتَكْرِيمًا وَبِرًّا.

*“Ya Allah, tambahkanlah kemuliaan rumah ini, kebesaran dan kehebatannya. Dan tambahkanlah kemuliaan, kebesaran dan kebaikan kepada orang-orang yang mengunjunginya, memuliakannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan Haji dan Umrah.”*

**BACAAN SEMASA MENUJU KE  
HAJAR AL-ASWAD:**

اللَّهُمَّ إِيمَانًا بِكَ، وَتَصَدِيقًا بِكِتَابِكَ، وَوَفَاءً  
بِعَهْدِكَ، وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

*“Ya Allah, kerana keimanan kepada-Mu, membenarkan kitab-Mu, menunaikan janji-Mu dan menurut sunnah Nabi-Mu Muhammad s.a.w.”*

**NIAT TAWAF UMRAH:**

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ  
الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Aku niat tawaf Umrah di Ka‘abah ini  
tujuh kali pusingan kerana Allah Ta‘ala.”*

**NIAT TAWAF WADA‘:**

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ  
الْوَدَاعِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*“Aku niat tawaf Wada‘ di Ka‘abah ini  
tujuh kali pusingan kerana Allah Ta‘ala.”*

**ISTILAM HAJAR AL-ASWAD:**

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

“Dengan nama Allah, dan Allah itu yang Maha Besar, semua pujian adalah tertentu kepada Allah.”

**ISTILAM DI RUKUN YAMANI DAN  
BACALAH DOA INI:**

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً،  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ.  
يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

“Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan selamatkanlah kami dari api neraka, dan masukkanlah kami ke dalam syurga bersama-sama orang-orang yang berbuat kebajikan. Ya Tuhan Yang Maha Perkasa, Tuhan Yang Maha Pengampun, Tuhan yang mentadbirkan seluruh alam.”

Sunat membaca zikir dan doa (boleh dalam bahasa Melayu), perbanyakkanlah membaca:

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
وَاللَّهُ أَكْبَرُ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ  
الْعَظِيمِ.

\* \* \*

#### DOA TAWAF DALAM SETIAP PUSINGAN

*Doa dalam pusingan pertama:*

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
وَاللَّهُ أَكْبَرُ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ

الْعَظِيمِ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

اللَّهُمَّ إِيْمَانًا بِكَ، وَتَصْدِيقًا بِكِتَابِكَ، وَوَفَاءً  
بِعَهْدِكَ، وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ وَحَبِيبِكَ مُحَمَّدٍ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ  
وَالْعَافِيَةَ وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ، وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ.

*“Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Selawat dan salam atas Rasulullah.*

*Ya Allah, kerana keimanan kepada-Mu, membenarkan kitab-Mu, menunaikan*

*janji-Mu dan menurut sunnah Nabi-Mu Muhammad s.a.w.*

*Ya Allah, aku bermohon kemaafan dan keafiatan serta keselamatan yang berterusan dalam urusan Agama, dunia dan akhirat, mendapat syurga dan terselamat dari neraka.”*

***Doa dalam pusingan kedua:***

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا الْبَيْتَ بَيْتُكَ، وَالْحَرَمَ حَرَمُكَ،  
وَالْأَمْنَ أَمْنُكَ، وَالْعَبْدَ عَبْدُكَ، وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَبْنُ  
عَبْدِكَ وَأَبْنُ أُمَّتِكَ. وَهَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ بِكَ مِنَ  
النَّارِ، فَحَرِّمْ لِحُومِنَا وَبَشَرَتِنَا عَلَى النَّارِ. اللَّهُمَّ  
حَبِّبْ إِلَيْنَا الْإِيمَانَ، وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكْرِهْ  
إِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ. وَاجْعَلْنَا مِنَ  
الرَّاشِدِينَ. اللَّهُمَّ ارْزُقْنِي الْجَنَّةَ بِغَيْرِ حِسَابٍ.



“Ya Allah, rumah ini rumah-Mu, Tanah Haram ini Tanah Haram-Mu, keamanan ini keamanan-Mu. Aku adalah hamba-Mu dan anak dari hamba-Mu dan inilah tempat hamba berlindung dengan-Mu dari api neraka. Ya Allah, cintakanlah kami kepada keimanan dan hiaskanlah iman dalam hati kami, dan bencikanlah kami kepada kefasikan dan kemaksiatan dan jadikanlah kami dari golongan orang-orang yang terpimpin. Ya Allah, selamatkanlah kami dari api neraka di hari Engkau membangkitkan hamba-hamba-Mu. Ya Allah, berikanlah aku syurga tanpa perhitungan.”

**Doa dalam pusingan ketiga:**

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّكِّ وَالشَّرِكِ  
وَالشَّقَاقِ وَالنِّفَاقِ وَسُوءِ الْأَخْلَاقِ وَسُوءِ الْمَنْظَرِ  
وَالْمُنْقَلَبِ، فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ وَالْوَلَدِ. اللَّهُمَّ إِنِّي

أَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ  
وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ وَمِنْ  
فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ.

*“Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu dari keraguan, syirik, pergaduhan, sifat munafik, keburukan akhlak, keburukan pandangan dan kesudahan tempat kembali, pada harta, keluarga dan anak-anak. Ya Allah, aku bermohon agar mendapat keredhaan-Mu dan syurga, dan aku berlindung dari kemurkaan-Mu dan neraka. Ya Allah, aku berlindung dari fitnah kubur dan fitnah hidup dan mati.”*

**Doa dalam pusingan keempat:**

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ عُمْرَةً مَقْبُولَةً، وَسَعِيًّا مَشْكُورًا،  
وَذَنْبًا مَغْفُورًا، وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا، وَتِجَارَةً

لَنْ تَبُورَ. يَا عَالَمَ مَا فِي الصُّدُورِ، أَخْرِجْنِي يَا  
اللَّهُ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ.  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ  
مَغْفِرَتِكَ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ  
كُلِّ بَرٍّ، وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ. رَبِّ  
قَنِّعْنِي بِمَا رَزَقْتَنِي، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَنِي،  
وَاخْلُفْ عَلَيَّ كُلَّ غَائِبَةٍ لِي مِنْكَ بِخَيْرٍ.

*“Ya Allah, jadikanlah Umrah ini Umrah yang makbulkan, perjalanan yang yang diterima, amal salih yang dimakbulkan, perniagaan yang tidak akan rugi. Ya Tuhan yang mengetahui apa yang ada di dalam dada, keluarkanlah aku dari gelap kepada cahaya. Ya Allah, aku bermohon sebab-sebab yang membawa rahmat-Mu, amalan-amalan*

yang mendapat keampunan-Mu, selamat dari dosa, beruntung mendapat kebaikan, berjaya mendapat syurga dan selamat dari neraka.

Ya Allah, puaskanlah hatiku dengan apa yang Engkau kurniakan, berkatilah apa yang Engkau berikan kepadaku dan gantikanlah yang hilang dengan yang lebih baik lagi untukku”

**Doa dalam pusingan kelima:**

اللَّهُمَّ أَظْلِنِي تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِكَ، يَوْمَ لَا ظِلَّ  
إِلَّا ظِلُّكَ، وَلَا بَاقِيَ إِلَّا وَجْهَكَ، وَاسْتِنِي مِنْ  
حَوْضِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، شَرِبَتْهُ  
هَنِيئَةً لَا أَظْمَأُ بَعْدَهَا أَبَدًا. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ  
مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلْتُكَ مِنْهُ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَكَ

90

مِنْهُ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ  
إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَنَعِيمَهَا، وَمَا يُقَرِّبُنِي إِلَيْهَا  
مِنْ قَوْلٍ أَوْ فِعْلٍ أَوْ عَمَلٍ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ  
وَمَا يُقَرِّبُنِي إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ فِعْلٍ أَوْ عَمَلٍ.

*“Ya Allah, naungilah aku di bawah naungan Arasy-Mu pada hari yang tidak ada naungan melainkan naungan-Mu. Tidak ada yang kekal melainkan Dzāt-Mu. Berilah aku minum dari telaga Nabi-Mu dengan minuman yang memuaskan sehingga aku tidak merasa haus lagi selepasnya.*

*Ya Allah, aku memohon segala kebaikan yang pernah dimohonkan oleh Nabi-Mu Muhammad s.a.w. Dan aku berlindung dengan-Mu dari segala kejahatan yang pernah diminta perlindungan oleh Nabi-Mu Muhammad s.a.w.*

Ya Allah, aku bermohon syurga dan segala perkara yang dapat mendekatkan aku kepadanya, sama ada dengan perkataan, perbuatan atau amalan dan aku berlindung dengan-Mu dari neraka dan segala perkara yang dapat mendekatkan aku kepadanya, sama ada dengan perkataan, perbuatan atau amalan.”

**Doa dalam pusingan keenam:**

اللَّهُمَّ إِنَّ لَكَ عَلَيَّ حُقُوقًا كَثِيرَةً فِيمَا بَيْنِي  
وَبَيْنَكَ، وَحُقُوقًا كَثِيرَةً فِيمَا بَيْنِي وَبَيْنَ خَلْقِكَ.  
اللَّهُمَّ مَا كَانَ لَكَ فَاعْفِرْ لِي، وَمَا كَانَ لِحَلْقِكَ  
فَتَحْمَلْهُ عَنِّي. وَأَعْنِنِي بِحَلَالِكَ عَنِ حَرَامِكَ،  
وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ، يَا وَاسِعَ الْمَغْفِرَةِ.

اللَّهُمَّ إِنَّ بَيْتَكَ عَظِيمٌ، وَوَجْهَكَ كَرِيمٌ، وَأَنْتَ  
يَا اللَّهُ حَلِيمٌ كَرِيمٌ عَظِيمٌ، تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ  
عَنِّي.

*“Ya Allah, sesungguhnya aku menanggung banyak kewajiban yang tidak aku tunaikan terhadap-Mu dan terhadap hamba-hamba-Mu, dan selesaikanlah antaraku dengan hamba-hamba-Mu. Kayakanlah aku dengan yang halal bukan yang haram, dan taat bukan maksiat, dengan limpah kurnia terus dari-Mu.*

*Ya Tuhan yang Maha luas pengampunannya. Ya Allah, sesungguhnya rumah-Mu ini besar, Dzat-Mu Maha Mulia dan sifat-Mu memang Penyantun dan Pemurah lagi Maha Agung suka kepada kemaafan, maafkanlah aku.”*

*Doa dalam pusingan ketujuh:*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا، وَبِقِينًا صَادِقًا،  
وَرِزْقًا وَاسِعًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا،  
وَرِزْقًا حَالَالًا طَيِّبًا، وَتَوْبَةً قَبْلَ الْمَوْتِ، وَمَغْفِرَةً  
وَرَحْمَةً بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَفْوَ عِنْدَ الْحِسَابِ،  
وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ، بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ.  
رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا وَالْحَقْنِي بِالصَّالِحِينَ.

*“Ya Allah, ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu iman yang sempurna, keyakinan yang benar, rezeki yang luas, hati yang khusuk, lidah yang sentiasa menyebut-nyebut nama-Mu, rezeki yang halal lagi baik, taubat yang sebenarnya sebelum mati, keampunan dan rahmat sesudah*



*mati, kemaafan ketika dihitung amalan, kejayaan mendapat syurga, dan keselamatan dari neraka, dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Pengampun. Wahai Tuhanku, tambahkanlah ilmuku dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang baik.”*

\* \* \*

### **SEMBAHYANG SUNAT TAWAF**

#### ***Niat sembahyang sunat Tawaf:***

Setelah selesai Tawaf, sembahyanglah dua rakaat sunat Tawaf di belakang makam Ibrahim. Contoh niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَّافِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Tawaf dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Pada rakaat pertama bacalah Surah *Al-Fatihah* dan *Al-Kafirun* dan pada rakaat kedua *Al-Fatihah* dan *Al-Ikhlash*. Setelah selesai sembahyang bacalah doa ini:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا بَلَدُكَ الْحَرَامُ، وَمَسْجِدُكَ الْحَرَامُ،  
وَبَيْتِكَ الْحَرَامُ، وَأَنَا عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ، وَابْنُ  
أُمَّتِكَ. أَتَيْتُكَ بِذُنُوبٍ كَثِيرَةٍ، وَخَطَايَا جَمَّةٍ،  
وَأَعْمَالٍ سَيِّئَةٍ. وَهَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ بِكَ مِنَ النَّارِ.  
اللَّهُمَّ عَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا، إِنَّكَ  
أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ إِنَّكَ دَعَوْتَ عِبَادَكَ إِلَى بَيْتِكَ الْحَرَامِ،  
وَقَدْ جِئْتُ طَالِبًا مَرْضَاتِكَ، وَأَنْتَ مَنْنْتَ عَلَيَّ،

فَاغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي، وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِّي، إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ يَسِّرْ لِي الْيُسْرَى، وَجَبِّئِي الْعُسْرَى،  
وَاعْفِرْ لِي فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى.  
اللَّهُمَّ اعْصِمْنِي بِالطَّافِكِ، وَاجْعَلْنِي مِمَّنْ  
يُحِبُّكَ وَيُحِبُّ مَلَائِكَتَكَ وَرُسُلَكَ وَأَنْبِيََاءَكَ،  
وَعِبَادَكَ الصَّالِحِينَ، وَأَوْلِيَاءَكَ الْمُتَّقِينَ.  
اللَّهُمَّ كَمَا هَدَيْتَنِي لِلْإِسْلَامِ فَثَبِّتْنِي عَلَيْهِ،  
وَاسْتَعْمِلْنِي فِي طَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ،  
وَأَجِرْنِي مِنْ مُضَلَّاتِ الْفِتَنِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ  
سِرِّي وَعَلَانِيَتِي، فَاقْبَلْ مَعْدِرَتِي. وَتَعْلَمُ

حَاجَتِي فَأَعْطِنِي سُؤْلِي، وَتَعَلَّمْ مَا فِي نَفْسِي  
فَاغْفِرْ لِي ذَنْبِي.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا دَائِمًا يُبَاشِرُ  
قَلْبِي، وَأَسْأَلُكَ يَقِينًا صَادِقًا حَتَّى أَعْلَمَ أَنَّهُ  
لَنْ يُصِيبَنِي إِلَّا مَا كَتَبْتَهُ عَلَيَّ، وَرَضْنِي بِمَا  
قَسَمْتَهُ لِي، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيبِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى جَمِيعِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، وَآلِ كُلِّ مِنْهُمْ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*“Ya Allah, sesungguhnya ini negeri-Mu yang suci, masjid-Mu yang suci, rumah-Mu yang suci, aku adalah hamba-Mu dan anak*

*kepada hamba-Mu, telah datang dengan banyak dosa dan kesalahan serta amalan-amalan yang buruk, dan inilah tempatnya bagi hamba yang berlindung dengan-Mu dari api neraka. Ya Allah, selamatkanlah kami, maafkanlah kami, ampunilah kami dan kasihanilah kami. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Penyayang.*

*Ya Allah, sesungguhnya Engkau telah memanggil hamba-hamba-Mu ke rumah suci-Mu dan sesungguhnya aku telah datang memohon keredhaan-Mu dan Engkau telah memberi kurnia kepadaku, maka ampunilah aku, kasihanilah aku, aflatkan aku dan maafkanlah aku. Sesungguhnya Engkau berkuasa atas segala sesuatu.*

*Ya Allah, berilah aku kemudahan dan jauhkan aku dari kepayahan, ampunilah aku di akhirat dan di dunia. Ya Allah, peliharalah aku dengan sifat kelembutan-Mu dan jadikanlah aku dari golongan mereka yang cintakan-Mu, cintakan Malaika-malaikat-Mu, Rasul-rasul-Mu, Nabi-nabi-Mu, orang-*

*orang yang bertaqwa. Ya Allah, sebagaimana Engkau telah tunjuki aku kepada Islam, maka tetapkanlah aku di dalamnya, arahkanlah aku kepada ketaatan-Mu dan ketaatan Rasul-Mu, selamatkanlah aku dari fitnah yang menyesatkan.*

*Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui perkara yang tersembunyi dan yang terang dariku, maka terimalah keuzuranku. Engkau mengetahui hajatku, maka kabulkanlah permintaanku. Engkau yang mengetahui apa yang di dalam diriku, maka ampunilah dosaku.*

*Ya Allah aku bermohon mendapat keimanan yang sentiasa hidup dalam hatiku dan keyakinan yang benar hingga aku yakin tidak ada sesuatu yang menimpaku melainkan apa yang Engkau telah tuliskan buatku, maka redhakanlah aku dengan apa yang Engkau bahagikan untukku. Ya Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.*

*Ya Allah, berselawatlah atas kekasih-Mu Muhammad dan atas sekalian Nabi dan*

*Rasul dan keluarga setiap orang dari mereka dan sesiapa yang mengikutinya hingga hari kemudian, wahai yang Maha Pengasih dari semua yang pengasih.”*

**Doa ketika berada di Multazam:**

اللَّهُمَّ رَبَّ بَيْتِ الْعَتِيقِ، أَعْتَقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ  
آبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَإِخْوَانِنَا وَأَوْلَادِنَا مِنَ النَّارِ،  
يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ وَالْفَضْلِ وَالْمَنِّ وَالْعَطَاءِ  
وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا  
وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ. اللَّهُمَّ  
إِنِّي عَبْدُكَ وَإِبْنُ عَبْدِكَ وَأَقِفُ تَحْتَ بَابِكَ،

مُلْتَزِمٌ بِأَعْتَابِكَ، مُتَدَلِّلٌ بَيْنَ يَدَيْكَ، أَرْجُو  
رَحْمَتَكَ وَأَخْشَى عَذَابَكَ، يَا قَدِيمَ الْإِحْسَانِ.  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ ذِكْرِي، وَتَضَعَ  
وِزْرِي، وَتُصَلِّحَ أَمْرِي، وَتُطَهِّرَ قَلْبِي، وَتُنَوِّرَ  
قَبْرِي، وَتَغْفِرَ ذَنْبِي، وَأَسْأَلُكَ الدَّرَجَاتِ الْعُلَى  
مِنَ الْجَنَّةِ - آمِينَ.

*“Ya Allah, Tuhan yang punya rumah yang unggul ini, merdekakanlah kami, ibu bapa kami, saudara-saudara dan anak-anak kami dari api neraka. Ya Allah, yang mempunyai kemurahan kurnia dan pemberian ihsan, perbaikilah kesudahan perkara kami dan selamatkanlah kami dari malu di dunia dan azab di akhirat.*

*Ya Allah, sesungguhnya aku hamba-Mu berdiri di pintu rahmat-Mu, terasa hina di*



hadapan-Mu, aku mengharapkan rahmat-Mu dan takut terhadap azab-Mu, wahai Tuhan yang tersedia sifat kebaikan-Nya (ihsan-Nya).

*Ya Allah, aku bermohon kepada-Mu agar Engkau muliakan sebutan namaku, ringankan bebanku, perbaiki urusanku, sucikan hatiku, terangi kuburku, ampunilah dosaku dan aku bermohon dapat tempat yang tinggi dalam syurga.”*

**Doa ketika berada di Hijir Ismail:**

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا  
عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ،  
أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ  
عَلَيَّ، وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ  
الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلْتُكَ بِهِ  
عِبَادُكَ الصَّالِحُونَ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا  
اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ عِبَادُكَ الصَّالِحُونَ.  
اللَّهُمَّ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ  
الْعُلْيَا، طَهِّرْ قُلُوبَنَا مِنْ كُلِّ وَصْفٍ يُبَاعِدُنَا عَنْ  
مُشَاهَدَتِكَ، وَأَمِتْنَا عَلَى السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ،  
وَالشُّوقِ إِلَى لِقَائِكَ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ نَوِّرْ بِالْعِلْمِ قَلْبِي، وَاسْتَعْمِلْ بِطَاعَتِكَ  
بَدَنِي، وَخَلِّصْ مِنَ الْفِتَنِ سِرِّي، وَاشْغَلْ بِالْإِعْتِبَارِ  
فِكْرِي، وَقِنِي شَرَّ وَسَاوِسِ الشَّيْطَانِ، وَأَجْرِئِي  
مِنْهُ يَا رَحْمَنُ، حَتَّى لَا يَكُونَ لَهُ عَلَيَّ سُلْطَانٌ.

رَبَّنَا إِنَّا أَمْنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا ، وَوَقْنَا عَذَابَ  
النَّارِ .

*“Ya Allah, Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau yang menjadikan aku, aku hamba-Mu, dan semampuku aku setia atas janjiku kepada-Mu. Aku berlindung dengan-Mu dari kejahatan yang aku telah lakukan. Aku mengakui nikmat-Mu ke atasku, dan aku mengakui dosaku kepada-Mu, maka ampunilah aku, kerana sesungguhnya tiada siapa yang dapat mengampuni dosa-dosa melainkan Engkau.”*

*Ya Allah, aku memohon segala kebaikan yang dimohonkan oleh hamba-hamba-Mu yang salih. Dan aku berlindung dengan-Mu dari segala apa yang diminta perlindungan dengan-Mu oleh hamba-hamba-Mu yang salih.*

*“Ya Allah, dengan kemuliaan nama-nama-Mu yang baik dan sifat-sifat-Mu yang*

*tinggi, bersihkanlah hati kami, matikanlah kami atas dasar sunnah dan jamaah serta rindukan pertemuan dengan-Mu.*

*Ya Allah, terangkanlah hatiku dengan cahaya ilmu, arahkan badanku supaya dipergunakan untuk taat kepada-Mu. Bersihkanlah hatiku, selamatkanlah aku dari was-was syaitan, jangan sampai ia menguasai aku.*

*Ya Tuhan kami, kami telah beriman kepada-Mu, maka ampunilah kami dan selamatkanlah kami dari api neraka.”*

\* \* \*



Setelah selesai mengerjakan Tawaf, jamaah Haji/Umrah disunatkan meminum air zam-zam yang sentiasa melimpah sejak zaman berzaman di kawasan Masjid Al-Haram.

**Doa ketika minum air Zam-zam:**

اللَّهُمَّ إِنَّهُ بَلَّغَنِي عَنْ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: مَاءٌ زَمْزَمٌ لِمَا شُرِبَ لَهُ.  
وَأَنَا أَشْرِبُهُ لِتَفْعَلَ بِي:

[ sebutkan hajatnya. -..... ]

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ رِزْقًا وَاسِعًا، وَعِلْمًا نَافِعًا،  
وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا، وَشِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ.

*“Ya Allah, sesungguhnya telah sampai kepadaku dari Nabi-Mu bahawa Baginda bersabda: “Air Zam-zam itu diminum untuk tujuan apa ia minum, maka untuk itulah dia, dan aku meminum dengan harapan Engkau ..... (niat dan mintalah apa yang hendak diminta hajat dunia dan akhizat).*

*Ya Allah, aku bermohon mendapat rezeki yang luas, ilmu yang berguna, amalan yang dikabulkan dan sembuh daripada segala penyakit.”*

***Cara-cara minum air Zam-zam:***

Muka menghadap ke Ka‘abah dan minumlah air Zam-zam dengan tiga teguk sebagai sunnah Rasulullah s.a.w. ketika meminum minuman.

Niat sendirian semasa meminum air Zam-zam.

\* \* \*

## BACAAN-BACAAN SEMASA SA'I

*Niat Sa'i Umrah:*

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ  
سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ سَعْيِ الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Ya Allah ya Tuhanku, sahaja aku Sa'i  
di antara Shafa dan Marwah tujuh kali Sa'i  
Umrah kerana Allah Ta'ala.”

Apabila hendak memulakan Sa'i ber-  
dirilah di atas bukit Shafa dan bacalah:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ  
الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا.  
وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

110



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى  
مَا هَدَانَا، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا أَوْلَانَا. لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ  
يُحْيِي وَيُمِيتُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ  
عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

*“Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian syi‘ar Allah, maka barangsiapa yang membuat ibadat haji ke Baitullah atau berumrah maka tidaklah ada dosa baginya mengerjakan sa‘i antara keduanya*

*dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati sendiri maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui.*

*Allah Yang Maha Besar. Tiada Tuhan melainkan Allah. Segala pujian bagi Allah Yang Maha Esa tiada sekutu bagi-Nya. Dan segala puji bagi-Nya. Dia yang menghidupkan dan yang mematikan. Segala kebaikan di dalam gengaman-Nya. Dan Dia amat berkuasa atas segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Esa. Dia telah menunaikan janji-Nya, Dia telah menolong hamba-Nya dan Dia telah memusnahkan kumpulan jahat itu dengan sendiri-Nya. Tiada Tuhan melainkan Allah. Kami semua ikhlaskan agama untuk-Nya, walaupun orang-orang kafir tiada menyukainya.”*

\* \* \*

**PERJALANAN PERTAMA DARI  
SHAFA KE MARWAH**

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ  
اللَّهِ الْعَظِيمِ وَيَحْمَدِهِ الْكَرِيمِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا  
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،  
وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا شَيْءَ قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ،  
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ حَيٌّ دَائِمٌ لَا يَمُوتُ وَلَا يَفُوتُ  
أَبَدًا. بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ. وَهُوَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ.

*“Allah Yang Maha Besar. Segala puji  
bagi Allah sebanyak-banyaknya. Maha Suci  
Allah dengan segala kepujian-Nya pagi dan  
petang. Tiada Tuhan melainkan Dia yang Esa,*

yang telah menunaikan janji-Nya, menolong hamba-Nya dan memusnahkan musuh dengan sendiri-Nya. Tiada sesuatu sebelum dan selepas-Nya, Dia yang menghidupkan dan mematikan, sedang Dia hidup kekal tidak mati dan tidak luput selama-lamanya. Di dalam kekuasaan-Nya segala kebaikan dan kepada-Nya tempat kembali dan Dia berkuasa atas segala sesuatu.”

Apabila sampai di tiang-tiang hijau disunatkan bagi lelaki berlari anak serta bacalah:

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا  
تَعْلَمُ، إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا أَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ  
الْأَكْرَمُ. رَبِّ اجْرِنَا مِنَ النَّارِ سَالِمِينَ، غَانِمِينَ  
فَرِحِينَ مُسْتَبْشِرِينَ، مَعَ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ، مَعَ

الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّادِقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ. وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا،  
ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنَ اللَّهِ، وَكَفَى بِاللَّهِ عَلِيمًا.  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ حَقًّا حَقًّا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
تَعْبُدًا وَرَقًّا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ  
مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

*“Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.*

*Ya Tuhan kami, selamatkanlah kami dari api neraka, dan gembirakanlah kami masuk ke syurga bersama-sama hamba-Mu yang telah Engkau kurniakan nikmat*

daripada para Nabi, para Shiddiqin, para syuhada' dan shalihin. Sesungguhnya amat baik mereka itu sebagai kawan. Itulah kurnia daripada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. Tiada Tuhan melainkan Allah dengan sebenar. Tiada Tuhan melainkan Allah, aku menyahut-Nya tanda pengabdian. Tiada Tuhan melainkan Dia. Kami ikhlaskan agama kerana-Nya walaupun orang-orang kafir itu benci.”

**Apabila Naik Di Bukit Marwah, Bacalah:**

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ  
الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا.  
وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

“Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada syi'ar (lambang) agama Allah, maka sesiapa yang

*menunaikan ibadah Haji ke Baitullah, atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersa'i (berulang alik) di antara keduanya. Dan sesiapa dengan kerelaan hati mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui."*

\* \* \*

**BACAAN PERJALANAN KEDUA DARI  
MARWAH KE SHAFI**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْفَرْدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَمْ  
يَتَّخِذْ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ  
فِي الْمُلْكِ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذُّلِّ وَكِبْرَهُ  
تَكْبِيرًا. اللَّهُمَّ إِنَّكَ قُلْتَ فِي كِتَابِكَ الْمَنْزِلُ:

117

«أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ»، دَعَوْنَاكَ رَبَّنَا كَمَا  
أَمَرْتَنَا، فَاسْتَجِبْ لَنَا كَمَا وَعَدْتَنَا، إِنَّكَ لَا  
تُخْلِفُ الْمِيعَادَ.

رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ  
آمِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا. رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ  
عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ. رَبَّنَا وَآتِنَا مَا  
وَعَدْتَنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ  
لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ. رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ  
أَنْبَأْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا  
لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ.



*“Allah Yang Maha Besar (3X). Segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah yang tidak ada sekutu bagi-Nya.*

*Ya Allah, Engkau menyuruh kami berdoa dengan firman-Mu: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya aku perkenankan bagi-Mu.” Maka kami berdoa sebagaimana Engkau perintahkan, maka perkenankanlah sebagaimana yang Engkau janjikan.*

*Ya Tuhan kami, ampunilah dosa kami dan bersihkanlah kesalahan kami dan matikanlah kami dalam kumpulan orang-orang yang baik. Ya Tuhan kami, berilah kami apa yang telah Engkau janjikan menerusi Rasul-rasul-Mu dan janganlah Engkau kecewakan kami di Hari Kiamat sesungguhnya Engkau tidak mungkir janji.*

*Ya Tuhan kami, kepada Engkau kami bertawakkal, kepada Engkau kami rujuk dan kepada-Mu jua tempat kembali. Ya Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah lebih dahulu beriman dari kami, dan janganlah Engkau jadikandi dalam*

*hati kami sebarang kedengian kepada mereka yang beriman. Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Pelembut dan Penyayang.”*

Apabila sampai di tiang-tiang hijau bacalah:

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَأَعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا  
تَعْلَمُ، إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا أَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ  
الْأَكْرَمُ.

*“Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.”*

***Apabila Naik Di Bukit Shafa,  
Bacalah:***

120

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ  
الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا.  
وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

*“Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada syi‘ar (lambang) agama Allah, maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah, atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersa‘i (berulang alik) di antara keduanya. Dan sesiapa dengan kerelaan hati mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.”*

\* \* \*

**BACAAN PERJALANAN KETIGA  
DARI SHAFI KE MARWAH**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
رَبَّنَا أَتَمِّمْ لَنَا نُورَنَا، وَاغْفِرْ لَنَا، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْخَيْرَ كُلَّهُ عَاجِلَهُ  
وَآجِلَهُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ لِذَنْبِي، وَأَسْأَلُكَ رَحْمَتَكَ، يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*“Allah Yang Maha Besar (3X). Segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah. Ya Allah Tuhan kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan ampunkanlah kami, sesungguhnya Engkau berkuasa atas sesuatu. Ya Allah, aku mohon kebaikan semuanya yang cepat atau yang lambat dan aku memohon keampunan bagi dosaku, dan*

memohon rahmat-Mu, wahai Tuhan yang Maha Murahmahi.”

**Bacaan Apabila Sampai Di Tiang Hijau:**

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوِزْ عَمَّا  
تَعْلَمُ، إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا أَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ  
الْأَكْرَمُ. رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا وَلَا تُرْغِ قَلْبِي بَعْدَ إِذْ  
هَدَيْتَنِي، وَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ  
الْوَهَّابُ.

اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي وَبَصَرِي، لَا إِلَهَ إِلَّا  
أَنْتَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، لَا  
إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، اللَّهُمَّ  
إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَتِكَ مِنْ  
عُقُوبَتِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ  
أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَيَّ نَفْسِكَ. فَلكَ الْحَمْدُ حَتَّى  
تَرْضَى.

*“Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.*

*Ya Tuhan tambahkanlah ilmuku, jangan Engkau palingkan hatiku setelah Engkau beri hidayat kepadaku, berilah aku rahmat dari-Mu, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi.*

*Ya Allah baiki keadaanku dalam pendengaran dan penglihatan, tiada Tuhan*

*melainkan Engkau. Ya Allah, aku berindung dengan-Mu dari siksa kubur tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Suci Engkau sesungguhnya aku dari golongan orang-orang yang zalim.*

*Ya Allah, sesungguhnya aku berindung dengan-Mu dari kekufuran dan kepapaan. Ya Allah, sesungguhnya aku berindung dengan keredhaan-Mu dari kemurkaan-Mu, dan dengan kemaafan-Mu dari balasan (siksa)-Mu. Aku tidak dapat memuji kepada-Mu seperti pujian-Mu sendiri terhadap diri-Mu, segala puji bagi-Mu hingga kami redha.”*

\* \* \*

#### **BACAAN PERJALANAN KEEMPAT DARI MARWAH KE SHAFI**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ، وَأَعُوذُ

125

بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ.  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. مُحَمَّدٌ  
رَسُولُ اللَّهِ الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَسْأَلُكَ كَمَا هَدَيْتَنِي لِلْإِسْلَامِ أَنْ لَا تَنْزِعَهُ مِنِّي  
حَتَّى تَتَوَفَّانِي وَأَنَا مُسْلِمٌ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي سَمْعِي  
نُورًا، وَفِي بَصَرِي نُورًا. اللَّهُمَّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي،  
وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ وَسَاوِسِ  
الْصَّدْرِ، وَشَتَاتِ الْأَمْرِ، وَفِتْنَةِ الْقَبْرِ. اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا يَلْجُ فِي النَّهَارِ، وَمِنْ شَرِّ  
مَا تَهْبُّ بِهِ الرِّيحُ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



سُبْحَانَكَ مَا عَبَدْنَاكَ حَقَّ عِبَادَتِكَ، سُبْحَانَكَ مَا  
ذَكَرْنَاكَ حَقَّ ذِكْرِكَ. يَا اللَّهُ، رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ،  
وَاعْفُ وَتَكَرَّمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا  
لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ. إِنَّ الصِّفَا  
وَالْمَرُوءَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ  
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا. وَمَنْ  
تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

*“Allah Yang Maha Besar (3X). Segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah yang tidak ada sekutu bagi-Nya.*

*Aku bermohon kebaikan yang memang Engkau ketahui dan aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang memang Engkau ketahui, sesungguhnya Engkau Maha*

*Mengetahui yang ghaib-ghaib, tiada Tuhan melainkan Allah Raja yang benar dan nyata, Muhammad Rasulullah yang benar, menepati janji dan yang dipercayai.*

*Ya Allah, sebagaimana Engkau telah memberi hidayat kepada aku, kepada agama Islam, maka janganlah Engkau cabut dariku, hingga Engkau matikan aku di dalam Islam. Ya Allah jadikanlah bagiku cahaya hatiku, dalam pendengaran dan penglihatanku. Ya Allah lapangkanlah dadaku, mudahkanlah urusanku. Dan aku berlindung kepada-Mu dari was-was hati dan kucar-kacirnya urusan dan dari fitnah (azab) kubur.*

*Ya Allah, aku berlindung dari kejahatan yang turun di waktu malam dan waktu siang. Ya Allah, kami tidak dapat menyembah-Mu sebagaimana yang sepatutnya dan kami tidak dapat mengingati-Mu sebagaimana yang sewajarnya.*

*Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui.*

*Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.*

*Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian syi'ar Allah, maka barangsiapa yang membuat ibadat haji ke Baitullah atau berumrah maka tidaklah ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati sendiri maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui.”*

\* \* \*

#### **BACAAN PERJALANAN KELIMA DARI SHAFI KE MARWAH**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
سُبْحَانَكَ مَا شَكَرْنَاكَ حَقَّ شُكْرِكَ يَا اللَّهُ.

129

سُبْحَانَكَ مَا أَعْلَى شَأْنِكَ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ حَبِيبُ  
إِيْمَانِنَا وَإِيْمَانِ قُلُوبِنَا، وَكَرِهَةُ الْكُفْرِ  
وَالْفُسُوقِ وَالْعِصْيَانِ، وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِينَ.  
رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا  
تَعْلَمُ، إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ  
الْأَكْرَمُ.

اللَّهُمَّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ. اللَّهُمَّ  
اهْدِنِي بِالْهُدَى، وَتَقِنِي بِالتَّقْوَى، وَاعْفِرْ لِي فِي  
الْآخِرَةِ وَالْأُولَى. اللَّهُمَّ ابْسُطْ عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِكَ  
وَرَحْمَتِكَ وَفَضْلِكَ وَرِزْقِكَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ  
النَّعِيمَ الْمُقِيمَ الَّذِي لَا يَحُولُ وَلَا يَزُولُ أَبَدًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي سَمْعِي  
نُورًا، وَفِي بَصَرِي نُورًا، وَفِي لِسَانِي نُورًا، وَعَنْ  
يَمِينِي نُورًا، وَعَنْ شِمَالِي نُورًا، وَمِنْ فَوْقِي  
نُورًا، وَاجْعَلْ فِي نَفْسِي نُورًا، وَعَظْمَ لِي نُورًا.  
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي. إِنَّ  
الصَّافَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ  
أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا. وَمَنْ  
تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

*“Allah Yang Maha Besar (3X). Segala puji bagi Allah. Maha Suci Engkau yang kami tidak dapat mensyukuri-Mu seperti kebenaran syukur-Mu sendiri ya Allah. Maha Suci Engkau alangkah tinggi keadaan-Mu ya*

*Allah. Ya Allah, cintakanlah kami kepada keimanan dan hiaskanlah dia di dalam hati kami. Dan bencikanlah kami kepada kekufuran, kefasikan dan kemaksiatan dan jadikan kami daripada golongan orang-orang yang terpimpin.*

*Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.*

*Ya Allah, selamatkanlah aku dari azab-Mu di hari Engkau membangkitkan hamba-hamba-Mu. Ya Allah pimpinlah aku dengan hidayah dan sucikanlah aku dengan taqwa dan ampunilah aku di dunia dan di akhirat.*

*Ya Allah, limpahkan atasku berkat-Mu, rahmat-Mu, kurniaan-Mu dan rezeki-Mu.*

*Ya Allah, aku bermohon nikmat yang berkekalan yang tidak berpindah dan tidak hilang. Ya Allah, jadikanlah cahaya di dalam hatiku, dalam pendengaranku, penglihatanku,*

*lidahku, di kanan dan di kiri dan dari atas serta dalam jiwaku, dan perbesarlah cahaya itu untukku. Ya Allah lapangkanlah dadaku, mudah-kanlah urusanku.*

*Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian syi'ar Allah, maka barangsiapa yang membuat ibadat haji ke Baitullah atau berumrah maka tidaklah ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati sendiri maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui.”*

\* \* \*

#### **BACAAN PERJALANAN KEENAM DARI MARWAH KE SHAFa**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. لَا  
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،

133

وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ  
لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ  
الْهُدَى وَالتَّقَى وَالْعَفَاةَ وَالْغِنَى. اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ  
وَالنَّارِ، وَمَا يُقَرِّبُنِي إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ فِعْلٍ أَوْ عَمَلٍ.  
اللَّهُمَّ بِنُورِكَ اهْتَدَيْنَا، وَبِفَضْلِكَ اسْتَعْنَيْنَا،  
وَفِي كَنَفِكَ وَإِنْعَامِكَ وَإِعْطَائِكَ وَإِحْسَانِكَ  
أَصْبَحْنَا وَأَمْسَيْنَا. أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَا قَبْلَكَ شَيْءٌ،  
وَالْآخِرُ فَلَا بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَالظَّاهِرُ فَلَا فَوْقَكَ  
شَيْءٌ، وَالْبَاطِنُ فَلَا شَيْءَ دُونِكَ. نَعُوذُ بِكَ  
مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَعَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ،



وَفِتْنَةَ الْغِنَى، وَسَأَلَكَ الْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ. رَبِّ اغْفِرْ  
وَارْحَمْ، وَاغْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ  
تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.  
إِنَّ الصِّفَا وَالْمَرَوَّةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ  
حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ  
بِهِمَا. وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

*“Allah Yang Maha Besar (3X). Segala puji bagi Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Esa. Dia telah menunaikan janjinya, Dia telah menolong hamba-Nya dan Dia telah memusnahkan kumpulan jahat itu dengan sendiri-Nya. Tiada Tuhan melainkan Allah. Kami semua ikhlaskan agama untuk-Nya, walaupun orang-orang kafir tiada menyukainya.*

*Ya Allah, aku bermohon hidayah, taqwa, aku bermohon keredhaan-Mu dan syurga, dan aku berlindung dari kemurkaan-Mu dan neraka dan apa sahaja yang menghampirkan aku kepadanya, sama ada berupa perkataan, perbuatan atau amalan.*

*Ya Allah, kami mendapat petunjuk dengan cahaya-Mu. Kami kaya dengan kurniaan-Mu, pagi dan petang kami di dalam kandungan nikmat pemberian dan ihsan-Mu.*

*Kami berlindung dengan-Mu daripada sifat kelemahan dan kemalasan, dan kami berlindung dengan-Mu dari azab kubur dan ujian dan kami bermohon kemenangan mendapat syurga-Mu.*

*Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.*

*Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian syi'ar Allah, maka barangsiapa*

yang membuat ibadat haji ke Baitullah atau berumrah maka tidaklah ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati sendiri maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui.”

\* \* \*

**BACAAN PERJALANAN KETUJUH  
DARI SHAFI KE MARWAH**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ  
لِلَّهِ كَثِيرًا. اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيَّ الْإِيمَانَ، وَزَيِّنْهُ فِي  
قَلْبِي، وَكَرِّهْ إِلَيَّ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ.  
وَاجْعَلْنِي مِنَ الرَّاشِدِينَ.

137

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَأَعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا  
تَعْلَمُ، إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ  
الْأَكْرَمُ.

اللَّهُمَّ احْتِمِ بِالْخَيْرَاتِ آجَالَنَا، وَحَقِّقْ  
بِفَضْلِكَ آمَالَنَا، وَسَهِّلْ لِبُلُوغِ رِضَاكَ سُبُلَنَا،  
وَحَسِّنْ فِي جَمِيعِ الْأَحْوَالِ أَعْمَالَنَا. يَا مُنْقِذَ  
الْغُرَقَى، يَا مُنْجِيَ الْهَلَكَى، يَا قَدِيمَ الْإِحْسَانِ،  
يَا دَائِمَ الْمَعْرُوفِ، اللَّهُمَّ إِنِّي عَائِدُ بِكَ مِنْ شَرِّ  
مَا أُعْطِينَا، وَمِنْ شَرِّ مَا مَنَعْتَنَا، اللَّهُمَّ تَوَفَّنَا  
مُسْلِمِينَ، وَأَلْحِقْنَا بِالصَّالِحِينَ، غَيْرَ خَزَايَا وَلَا  
مَفْتُونِينَ. رَبِّ يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ، رَبِّ أَتِمِّمْ بِالْخَيْرِ.

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ  
حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ  
بِهِمَا. وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

*“Allah Yang Maha Besar (3X). sebesar-besar-Nya. Segala puji bagi Allah sebanyak-banyaknya.*

*Ya Allah, cintakanlah aku kepada keimanan dan hiaskanlah iman dalam hatiku, dan bencikanlah aku kepada kefasikan dan kemaksiatan dan jadikanlah aku dari golongan orang-orang yang dipimpin.*

*Ya Tuhan kami, ampuni dan kasihani, maafkan dan limpahi kurnia (dari-Mu), hapuskanlah dosa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah.*

*Ya Allah, sudahkanlah hayat kami dengan kebaikan dan laksanakanlah cita-*

*cita kami dengan limpahan kurnia-Mu, dan mudahkanlah perjalanan kami untuk mencapai keredhaan-Mu. Perbaikilah amalan kami dalam segala hal.*

*Ya Tuhan yang menyelamatkan mereka yang tenggelam, yang menyelamatkan mereka yang terjerumus, yang melihat segala apa yang tersembunyi, kesudahan tempat pengaduan. Ya Tuhan yang sentiasa memberikan kebaikan, aku berlindung dengan-Mu dari kejahatan apa yang telah Engkau beri kepada kami, dan apa yang Engkau tahan dari kami. Ya Allah, matikanlah kami dalam keadaan Islam dan masukkan kami dalam golongan orang-orang yang salih, dalam hal keadaan kami tidak kecewa dan terfitnah. Ya Allah, permudahkanlah dan janganlah mempersusahkan. Ya Allah, sudahilah dengan kebaikan.*

*Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian syi'ar Allah, maka barangsiapa yang membuat ibadat haji ke Baitullah atau berumrah maka tidaklah ada dosa*

*baginya mengerjakan sa'i antara keduanya dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati sendiri maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui.”*

\* \* \*

**[ DOA SELEPAS SA'I ]**

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا، وَعَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا، وَعَلَى  
طَاعَتِكَ وَشُكْرِكَ أَعْنَا، وَعَلَى غَيْرِكَ لَا تَكِلْنَا،  
وَعَلَى الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ الْكَامِلِ جَمْعًا تَوَفَّنَا  
وَأَنْتَ رَاضٍ عَنَّا.

اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي بِتَرْكِ الْمَعَاصِي أَبَدًا مَا  
أَبْقَيْتَنِي، وَارْحَمْنِي أَنْ أَتَكَلَّفَ مَا يَعْنِينِي،

وَأَرْزُقْنِي حُسْنَ النَّظَرِ فِيمَا يُرْضِيكَ عَنِّي، يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*“Ya Allah ya Tuhan kami, perkenankanlah doa kami, afiatkanlah kami, maafkanlah kesalahan kami, di atas jalan mentaati-Mu dan mensyukuri nikmat-Mu, tolonglah kami, dan kepada yang lain janganlah kami berserah selain kepada-Mu. Dan di atas kebenaran iman dan Islam yang sempurna matikanlah kami, dan Engkau meredhai kami.*

*Ya Allah ya Tuhanku, cucurilah rahmat-Mu ke atasku dengan memberi petunjuk kepadaku. Aku akan meninggalkan segala larangan-Mu selama hayatku. Kasihanilah aku dengan tidak memberatkan perkara yang tidak menyenangkanku. Kurniakanlah kepadaku sebaik-baik pandangan supaya dapat aku mengerjakan segala pekerjaan yang mendapatkan keredhaan-Mu, wahai*



Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.”

\* \* \*

[ DOA SELEPAS BERCUKUR  
ATAU BERGUNTING ]

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي قَضَىٰ عَنِّي نُسُكِي. اللَّهُمَّ  
آتِنِي بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةً، وَأَمْحُ عَنِّي بِهَا سَيِّئَةً.  
وَارْفَعْ لِي بِهَا دَرَجَةً، وَاغْفِرْ لِي وَلِلْمُحَلِّقِينَ  
وَالْمَقْصِرِينَ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ زِدْنَا  
إِيمَانًا وَيَقِينًا، وَتَوْفِيقًا وَعَوْنًا، وَاغْفِرْ لَنَا  
وَلِآبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَي سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ - آمِينَ.

— | | —

*“Segala puji bagi Allah yang telah menolongku menunaikan ibadah Umrahku ini. Ya Allah, berilah aku satu kebaikan dengan setiap helai rambut ini dan padamkanlah dengannya setiap satu kejahatan. Dan angkatlah aku dengannya satu darjat, ampunilah aku dan sekalian yang bercukur dan bergunting dan sekalian Muslimin. Ya Allah, tambahkanlah kami dengan keimanan, keyakinan, taufiq dan pertolongan dan ampunilah kami serta ibu bapa kami. Semoga Allah mencucuri rahmat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad dan atas keluarga dan para sahabatnya – Amiin.”*

\* \* \*

[ DOA SELEPAS TAWAF WADA' ]

Di antara doa yang baik dibaca  
selepas tawaf wada'

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَادُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ  
يَا مُعِيزُ أَعِزَّنِي، وَيَا سَمِيعُ اسْمِعْنِي، وَيَا جَبَّارُ  
اجْبُرْنِي، وَيَا سِتَّارُ اسْتُرْنِي، وَيَا رَحْمَنُ ارْحَمْنِي،  
وَيَا رَادُّ ارْدُدْنِي إِلَىٰ بَيْتِكَ هَذَا، وَارْزُقْنِي إِلَيْهِ  
الْعُودَ ثُمَّ الْعُودَ كَرَّاتٍ بَعْدَ مَرَّاتٍ، تَأْتِيْنَ عَابِدِيْنَ  
سَائِحِيْنَ لِرَبِّنَا حَامِدِيْنَ. صَدَقَ اللَّهُ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ  
عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ وَالْغَنِيْمَةَ لَنَا  
وَلِعَبِيدِكَ الْحُجَّاجِ وَالزُّوَّارِ لِبَيْتِكَ وَالْغُرَّاءِ

وَالْمُسَافِرِينَ وَالْمُقِيمِينَ فِي بَرِّكَ وَيَحْرِكَ  
وَفَضَائِكَ مِنْ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْنِي عَنْ يَمِينِي، وَعَنْ يَسَارِي،  
وَمِنْ قُدَامِي، وَمِنْ وَرَاءِ ظَهْرِي، وَمِنْ فَوْقِي،  
وَمِنْ تَحْتِي، حَتَّى تُوصِّلَنِي إِلَى أَهْلِي وَبَلَدِي.  
أَسْأَلُكَ أَنْ لَا تُخْلِنِي مِنْ رَحْمَتِكَ طَرْفَةَ عَيْنٍ  
وَلَا أَقَلَّ مِنْ ذَلِكَ.

اللَّهُمَّ كُنْ لَنَا صَاحِبًا فِي سَفَرِنَا، وَخَلِيفَةً فِي  
أَهْلِنَا، وَأَطْمَسْ عَلَيَّ وُجُوهُ أَعْدَائِنَا، وَأَمْسِخْهُمْ  
عَلَى مَكَانَتِهِمْ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ الْمَضِيَّ وَلَا  
الْمَجِيءَ إِلَيْنَا.

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ هَذَا آخِرَ عَهْدِي بِبَيْتِكَ  
الْحَرَامِ، وَإِنْ جَعَلْتَهُ آخِرَ عَهْدِي فَعَوِّضْنِي الْجَنَّةَ  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

“Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan kepada apa yang engkau ingini dan cintai.”

Ya Allah Tuhan yang memberi segala perlindungan, lindungilah aku. Ya Allah yang Maha Mendengar, perkenankanlah permohonanku. Ya Allah Tuhan yang Maha Gagah Perkasa, tutupkanlah segala kelemahanku. Ya Allah yang Maha Pemurah, kasihanilah aku. Ya Allah Tuhan yang mengembalikan sesuatu, kembalikanlah aku ke Baitullah ini lagi.

Ya Allah, murahkanlah rezekiku supaya dapat kembali menziarahi Baitullah berulang

*kali dengan taubat, mengucap syukur dan puji-pujian. Telah benar janji Allah, lagi menolong hamba-Nya, memuliakan sekalian bala tentera-Nya dan mengalahkan musuh-Nya dengan keagungan-Nya.*

*Ya Allah, selamatkanlah kami dan hamba-hamba-Mu yang menziarahi Baitullah dengan mengerjakan ibadah Haji, mereka yang berjihad, mereka yang musafir, juga mereka yang bermukim, sama ada musafir melalui daratan, lautan atau ruang udara, di mana mereka ini terdiri dari umat saiyyidina Muhammad s.a.w. seluruhnya.*

*Ya Allah ya Tuhanku! Peliharalah aku dari segenap pihak, di kanan, di kiri, di hadapan, di belakang, di atas dan di bawahku sehingga aku sampai kembali kepada keluargaku dan negeriku. Ya Allah! Janganlah Engkau jauhkan aku dari rahmat-Mu walau sekelip mata sekalipun.*

*Ya Allah ya Tuhanku! Engkau yang menjaga kami di dalam perjalanan, Engkaulah yang menjaga keluarga kami*

*sepeninggalan kami menziarahi rumah-Mu,  
hancurkanlah segala musuh-musuh kami,  
Engkau kakukanlah mereka sehingga tiada  
dapat bergerak untuk membinasakan kami.*

*Ya Allah ya Tuhanku! Janganlah Engkau  
jadikan tawaf dan ziarah hamba-Mu ini  
sebagai kali yang penghabisan di Rumah  
Suci-Mu ini, sekiranya ditakdirkan ianya  
menjadi kali yang terakhir, maka hamba  
pohonkan syurga sebagai gantinya, dengan  
kemurahan Engkau, wahai Tuhan yang Maha  
Pengasih dari semua yang kasih.”*







# MADINAH

151

Ref: *[UMRAH-Syahidah]*

**MENZIARAH MADINAH  
AL-MUNAWWARAH**

***Adab Masuk Kota Rasulullah s.a.w.:***

1. Digalakkan semua jamaah ketika sampai di hotel Madinah supaya sujud syukur di dalam bilik hotel kerana mensyukuri ke atas nikmat jumpa Rasulullah s.a.w. dan nikmat duduk di Madinah.
2. Digalakkan jika kita bersiar-siar di Madinah dalam keadaan berwudhuk. Sepertimana firman Allah s.w.t. dan Allah s.w.t. suka orang yang bersuci.
3. Memperbanyakkan tasbih dan istighfar sebagaimana yang ditulis di dalam buku panduan.

***Adab Ziarah Nabi s.a.w.:***

1. Hendaklah membaca doa masuk Masjid Nabawi.
2. Sebelum membaca salam dan jumpa di Masjid Nabawi diawali dengan solat

152

sunnat Tahiyatul masjid dan solat sunnat Dhuha jika masuk di pagi hari.

3. Adab yang paling baik dalam membaca salam meghadap ke arah wajah Rasulullah s.a.w. dengan tidak mengangkat tangan. (Iaitu menghadap ke pintu Makam).
4. Dalam memberi salam itu tidak mengeraskan atau meninggikan suara atau meminta-minta sesuatu perkara kepada Rasulullah s.a.w.
5. Dalam berdoa selepas salam, jangan membelakangi Nabi s.a.w. dan kedua-dua sahabatnya, melainkan bergerak ke arah kiri atau kanan menghadap ke Kiblat dan mengangkat kedua tangan.
6. Dalam berdoa jangan lupa memulakan dengan Alhamdulillah dan selawat kepada Nabi s.a.w.

\* \* \*

**Doa apabila kelihatan rumah-rumah di  
Madinah:**

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا حَرَمُ نَبِيِّكَ، وَقَدْ حَرَّمْتَهُ عَلَيَّ  
لِسَانِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاجْعَلْهُ وَقَايَةً  
لِي مِنَ النَّارِ.

*“Ya Allah, sesungguhnya ia adalah Tanah Haram Nabi-Mu, Engkau telah mengharamkannya menerusi lidah Nabi-Mu, maka jadikanlah ianya penyelamat bagiku daripada api neraka.”*

**Doa masuk Masjid Nabawi s.a.w.:**

رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ، وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ  
صِدْقٍ، وَاجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا نَصِيرًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ. وَاعْفِرْ  
لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ، وَأَدْخِلْنِي  
فِيهَا. يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*“Ya Tuhanku, masukkanlah aku dengan kebenaran, keluarkanlah aku dengan kebenaran dan jadikanlah bagiku kekuatan yang dapat membantuku. Ya Allah, cucurilah selawat-Mu atas Nabi Muhammad dan keluarganya, dan ampunilah dosaku dan bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmat-Mu dan masukkanlah aku ke dalamnya. Wahai Tuhan yang Maha Pengasih dari semua yang kasih.”*

Setelah masuk ke dalam masjid, sembahyanglah dua rakaat sunnat Tahiyatul masjid. Kalau boleh masuklah ke Raudhah kemudian baca doa ini semasa berada di Raudhah:

اللَّهُمَّ هَذِهِ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، شَرَفْتَهَا  
وَكَرَّمْتَهَا وَنَوَّرْتَهَا بِنُورِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَأَحْسُرُنِي فِي زُمْرَتِهِ، وَأَمْتِنِي  
عَلَى مَحَبَّتِهِ وَسُنَّتِهِ، وَأَسْقِنِي مِنْ حَوْضِهِ وَيَدِهِ  
الشَّرِيفَةِ شَرِبَةً هَنِيبَةً لَا أَظْمَأُ بَعْدَهَا أَبَدًا. إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
العَالَمِينَ.

*“Ya Allah, sesungguhnya inilah satu dari Taman-taman Syurga yang telah Engkau muliakan dan Engkau terangi dengan cahaya Nabi-Mu dan kekasih-Mu Muhammad s.a.w., maka himpulkanlah aku*

*di dalam kumpulannya dan matikanlah aku atas kecintaan kepadanya dan sunnahnya. Dan berilah aku minum dari telaganya dan dari tangannya yang mulia dengan minuman yang memuaskan yang tidak akan haus lagi sesudahnya. Sesungguhnya Engkau amat berkuasa atas segala sesuatu. Juga selawat dan salam dari Allah atas penghulu kami Nabi Muhammad beserta keluarganya dan para sahabatnya, demikianlah juga segala puji bagi Allah Tuhan seluruh alam.”*

Setelah selesai sembahyang bangunlah untuk menziarahi makam Baginda yang mulia dan berdiri di hadapannya dengan penuh hormat dan menundukkan kepala, sambil mengucapkan salam.

***Memberi salam kepada Nabi  
Muhammad s.a.w.:***

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا السَّيِّدُ الْكَرِيمُ. وَالرَّسُولُ

الْعَظِيمِ. وَالرُّؤُوفُ الرَّحِيمِ، وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا  
صَفْوَةَ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَيْرَةَ اللَّهِ، السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ اللَّهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّكَ عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. وَأَشْهَدُ  
أَنَّكَ بَلَغْتَ الرِّسَالَةَ، وَأَدَّيْتَ الْأَمَانَةَ، وَنَصَحْتَ  
الْأُمَّةَ، وَجَاهَدْتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ،  
فَجَزَاكَ اللَّهُ عَنَّا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْضَلَ الْجَزَاءِ.

*“Sejahtera atasmu wahai penghulu yang mulia, Rasul yang agung, yang pelembut dan penyayang serta rahmat Allah dan berkat-Nya atasmu, sejahtera atasmu wahai Nabi pilihan Allah.*



Wahai kekasih Allah, aku menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa yang tiada sekutu bagi-Nya, dan tuan adalah hamba dan pesuruh-Nya, dan aku menyaksikan bahawa tuan telah menyampaikan utusan, menunaikan amanah, menasihati umat dan telah berjuang pada jalan Allah dengan sebenar-benar perjuangan. Tuhan sahajalah yang membalas kepada tuan dengan sebaik-baik balasan.”

Kemudian beredar kadar sehasta lalu memberi salam kepada Khalifah Abu Bakar Ash-Shiddiq r.a.:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَلِيفَةَ رَسُولِ اللَّهِ، السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ فِي الْغَارِ. فَلَقَدْ  
نَصَرْتَ الْإِسْلَامَ، وَوَصَلْتَ الْأَرْحَامَ، وَلَمْ تَزَلْ  
قَائِمًا بِالْحَقِّ أَتَاكَ الْيَقِينُ.

159

“Sejahtera atasmu wahai Khalifah Rasulullah wahai sahabatnya semasa di dalam gua. Sesungguhnya kamu telah membantu mengembangkan Islam, dan menghubungkan silaturrahim dan terus menegakkan kebenaran hingga akhir hayatmu.”

Kemudian beredar kadar sehasta lalu memberi salam kepada Khalifah Umar Al-Khattab r.a.:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَنَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ ،  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَاطِقًا بِالصَّوَابِ، السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا مَنْ أَعَزَّ اللَّهُ بِهِ الْإِسْلَامَ، وَأَذَلَّ بِهِ  
النَّجْرَةَ الطُّغَمَاءُ.

“Sejahtera atasmu wahai Saiyidina Umar binAl-Khattab. Sejahtera atasmu wahai orang

yang bercakap dengan kebenaran. Sejahtera atasmu wahai orang yang dimuliakan Allah dengannya Islam dan terhina segala musuh-musuh yang jahat.”

Kemudian kembali ke makam Rasulullah s.a.w. dan berdoa:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ  
يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ عَلَيْكَ  
كِتَابًا صَادِقًا قَالَ فِيهِ: «وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا  
أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمْ  
الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا». وَقَدْ جِئْتِكَ  
مُسْتَعْفِرًا مِنْ ذَنْبِي، مُسْتَشْفِعًا بِكَ إِلَى رَبِّي،

فَاشْفَعْ لِي يَا شَفِيعَ الْأُمَّةِ، وَأَجِرْنِي مِنَ النَّارِ،  
يَا نَبِيَّ الرَّحْمَةِ. الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ وَعَلَى  
سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ.

*“Segala puji bagi Allah, Tuhan Penguasa seluruh alam. Ya Allah, selawat dan salam atas Penghulu kami Muhammad serta keluarga dan para sahabatnya.*

*Sejahtera atasmu wahai junjungan kami Rasulullah. Bahawasanya Allah telah menurunkan atasmu kitab-Nya yang benar; dan Dia berfirman di dalamnya: “Sekiranya mereka yang telah menganiaya diri mereka itu datang kepadamu dan memohon keampunan kepada Allah, dan Rasul juga meminta pengampunan untuk mereka, nescaya mereka dapati Allah itu Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.”*

*Maka inilah aku datang memohon ampun kepada Allah dan memohon syafaat*

dengannya kepada Tuhanku, maka berilah aku syafaat kelak wahai pemberi syafaat kepada umat, dan selamatkanlah aku daripada api neraka. Wahai Nabi pembawa rahmat, selawat dan salam atasmu dan atas sekalian para Nabi dan Rasul.”

**Menyampaikan salam saudara kita kepada Rasulullah s.a.w.:**

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.  
يَا رَسُولَ اللَّهِ، جِئْتُكَ نَائِبًا وَزَائِرًا عَنْ:

.....  
مُسَلِّمًا عَنْهُ، سَائِلًا مِنْكَ الشَّفَاعَةَ لَهُ فِي غُفْرَانِ  
ذُنُوبِهِ. فَاشْفَعْ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ.

“Sejahtera atasmu wahai Nabi, serta rahmat Allah dan berkat-Nya, wahai

— | | —  
*Penghuluku, wahai Rasulullah. Saya datang  
menyampaikan salam daripada:*

.....  
*dia memohon syafaat daripadamu untuk  
mendapatkan pengampunan bagi dosanya.  
Berilah syafaat di sisi Allah kepadanya wahai  
Rasulullah.”*

\* \* \*



**DOA KETIKA MENZIARAH  
PERKUBURAN AL-BAQI‘:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ، وَإِنَّا إِن شَاءَ  
اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ. أَنْتُمْ سَلَفْنَا وَنَحْنُ بِالْآثَرِ،  
يَغْفِرُ اللَّهُ لَنَا وَلَكُمْ وَيَرْحَمُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنْكُمْ  
وَالْمُسْتَأْخِرِينَ.

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُمْ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ،  
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُمْ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ الْبَقِيعِ  
الْغَرَقِدِ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai orang-orang mukmin yang tinggal di sini, sesungguhnya kami insya Allah akan mengikuti kamu. Kamu adalah orang-orang*



yang terdahulu dari kami, dan kami adalah pengikut-pengikut kamu. Mudah-mudahan Tuhan mengampunkan kami dan kamu, dan mengasihani mereka yang terdahulu dan yang terkemudian.

*Ya Allah, janganlah Engkau kecewakan kami dari mendapat pahala amalan mereka dan janganlah Engkau fitnahkan kami selepas mereka. Ampunilah dosa kami dan mereka, dan ampunilah dosa Ahli Baqi'."*

\* \* \*

**KETERANGAN:**

[1] **Makam Ahli Bait:** (Abbas, Fatimah, Hassan, Hussein, Ja'far Sadiq).

Kiranya berpeluang menziarahi kubur Saiyidina Abbas, Saiyadatina Fatimah Az-Zahra', Saiyidina Hasan bin Ali, Saiyidina Al-Hussaein, Saiyidina Muhammad Al-Baqir, Saiyidina Ja'far As-Sadiq, bacalah:

167

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبَّاسُ عَمَّ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا عَمَّ نَبِيِّ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَةَ  
فَاطِمَةَ الزَّهْرَاءِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَةَ نِسَاءِ  
الْعَالَمِينَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ، يَا  
حَبَّ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَنْ قَالَ فِي  
حَقِّكَ جَدُّكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
«اللَّهُمَّ إِنِّي أُحِبُّهُ فَأَحِبَّهُ». السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا  
شَبَابَ أَهْلِ الْجَنَّةِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَلِيُّ بْنُ  
الْحُسَيْنِ زَيْنَ الْعَابِدِينَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُحَمَّدُ  
الْبَاقِرُ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا جَعْفَرُ الصَّادِقُ. السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا أَهْلَ بَيْتِ النَّبُوَّةِ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ.

“Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Abbas, bapa saudara Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai bapa saudara Nabi Allah, salam sejahtera ke atasmu wahai Fatimah Az-Zahra’, salam sejahtera ke atasmu wahai ketua daripada segala perempuan yang Mukmin, salam sejahtera ke atasmu wahai ibu kepada kedua pemuda Hasan bin Ali kesayangan Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai orang yang telah didoakan akan dikau oleh datukmu Saiyidina Muhammad dengan sabdanya: “Ya Allah aku sangat sayangkannya, maka kasihilah oleh-Mu akan dia”. Salam sejahtera ke atasmu wahai Ali bin Hussein Zainal Abidin, salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Ja’far As-Sadiq, salam sejahtera ke atas kamu wahai sekalian keluarga Nabi warahmatullahi wabarakatuh.”

[2] **Makam Puteri-puteri Rasulullah:**  
(Ummu Kalsum, Ruqayyah, Zainab).

السَّلَامُ عَلَيْكُنَّ يَا بَنَاتِ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ  
عَلَيْكُنَّ يَا بَنَاتِ نَبِيِّ اللَّهِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

“Salam sejahtera ke atas kamu wahai puteri-puteri Rasulullah, salam sejahtera ke atas kamu wahai puteri-puteri Nabi Allah, warahmatullahi wabarakatuh.”

[3] **Makam Isteri-isteri Rasulullah:**

(Aisyah, Saudah, Ummu Salamah, Safiyah, Juwairiyah, Ummu Habibah, Zainab binti Jahsyen, Zainab Khuzaimah, radhiallahu anhunna ajma'in).

السَّلَامُ عَلَيْكُنَّ يَا أَزْوَاجَ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ  
عَلَيْكُنَّ يَا أَزْوَاجَ نَبِيِّ اللَّهِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ  
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنْهُنَّ، وَاَرْفَعْ دَرَجَتَهُنَّ، وَأَكْرِمْ  
مَقَامَهُنَّ، وَأَجْزِلْ ثَوَابَهُنَّ. .... آمِينَ.

*“Salam sejahtera ke atas kamu wahai isteri-isteri Rasulullah, salam sejahtera ke atas kamu wahai isteri-isteri Nabi Allah, ibu-ibu bagi orang-orang Mukmin warahmatullahi wabarakatuh.*

*Ya Allah, kurniakanlah keredhaan-Mu kepada mereka, tinggikanlah pangkat dan darjat mereka, muliakanlah kedudukan mereka, gandakanlah pahala amalan-amalan mereka. .... Amiin.”*

[4] **Makam:** (Aqil bin Abi Thalib dan Abdullah bin Ja'far At-Thayyar).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا سُفْيَانَ بْنَ الْحَارِثِ .  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَخَا رَسُولِ اللَّهِ مِنَ الرِّضَاعَةِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَقِيلُ بْنُ أَبِي طَالِبٍ. السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنَ جَعْفَرَ ذِي الْجَنَاحَيْنِ.  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَبْنَاءَ عَمِّ رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى  
مَنْ حَوْلَكُمْ مِنْ أَصْحَابِهِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Abi Sufyan bin Al-Haris, salam sejahtera ke atasmu wahai saudara susu Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Aqil bin Abi Thalib, salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Abdullah bin Ja’far Dzil-Janahain (At-Thayyar), salam sejahtera ke atas kamu wahai saudara-saudara sepupu Rasulullah dan salam sejahtera ke atas mereka yang berada di sekeliling kamu daripada sahabat-sahabat Rasulullah warahmatullahi wabarakatuh.”*

[5] **Makam:** (Shafiah binti Abi Thalib (bibi Rasulullah).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَفِيَّةَ عَمَّةَ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا أُمَّ الزُّبَيْرِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidatina Shafiah ibu saudara Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai ibu Zubair warahmatullahi wabarakatuh.”*

[6] **Makam:** (Imam Malik dan Imam Nafi’).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَافِعُ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ  
شَيْخَ مَالِكِ إِمَامِ دَارِ الْهِجْرَةِ. اللَّهُمَّ أَجِرْ ثَوَابَهُ  
وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ - آمِينَ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Nafi’ Maula Abdullah bin Umar Syeikh Malik Imam Darul Hijrah. Ya Allah kurniakanlah*

serta gandakanlah balasan amalan dan muliakanlah kedudukannya.”

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ إِمَامَ دَارِ الْهِجْرَةِ.  
جَزَاكَ اللَّهُ عَنِ أُمَّةِ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرَ الْجَزَاءِ.

“Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Malik bin Anas, Imam Darul Hijrah. Allah yang akan memberi balasan di atas segala amalan kebajikanmu yang telah engkau lakukan untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad dengan sebaik-baik ganjaran.”

[7] **Makam:** (Ibrahim yakni putera Rasulullah).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا إِبْرَاهِيمَ بْنَ رَسُولِ اللَّهِ.  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رُقَيْةَ بِنْتَ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ



عَلَيْكَ يَا فَاطِمَةَ بِنْتَ أَسَدٍ وَيَا مَنْ كَفَنَهَا النَّبِيُّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَمِيصِهِ وَلَحَدَّهَا بِيَدِهِ  
الشَّرِيفَةِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عُثْمَانُ بْنُ مَطْعُونٍ  
أَخَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الرِّضَاعِ.  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ ابْنَ عَوْفٍ صَاحِبَ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَحَدَ الْعَشْرَةِ  
الْمُبَشِّرِينَ بِالْجَنَّةِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَعْدُ  
بْنَ أَبِي وَقَّاصٍ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَحَدَ الْعَشْرَةِ الْمُبَشِّرِينَ بِالْجَنَّةِ.  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودٍ صَاحِبَ  
سِرِّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسِوَاكَ

وَنَعْلَيْهِ وَطُهُورِهِ فِي السَّفَرِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا  
خُنَيْسُ بْنُ حُذَافَةَ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا أَسْعَدُ بْنُ زُرَّارَةَ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ.  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. اللَّهُمَّ ارْضَ  
عَنْهُمْ وَاَرْفَعْ دَرَجَتَهُمْ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Ibrahim putera Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai Ruqaiyah puteri Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai Fatimah binti Asad, wahai orang yang telah dikafankan dikau oleh Nabi Muhammad dengan bajunya, dan mengebumikan dikau dengan tangannya yang mulia.*

*Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Utsman bin Mazh'un saudara se-*

*susu Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Abdur Rahman bin 'Auf sahabat Rasulullah salah seorang daripada sepuluh yang dijamin masuk syurga, salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Sa'ad bin Waqqas sahabat Rasulullah salah seorang daripada sepuluh yang dijamin masuk syurga.*

*Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Abdullah bin Mas'ud penyimpan rahasia Rasulullah, pembawa kasut, alat sugi dan alatan pensucian Rasulullah dalam perjalanan.*

*Salam sejahtera ke atasmu wahai Khunais bin Hudzafah sahabat Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai Sa'ad bin Zurarah sahabat Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai sekalian sahabat Rasulullah.*

*Ya Allah ya Tuhan, kurniakanlah keredhaan-Mu kepada mereka, tinggikanlah pangkat dan darjat mereka, tambahkanlah pahala mereka. Amin.”*

[8] **Makam:** (Syuhada' Harrah).

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَيُّهَا شُهَدَاءُ حَرَّةَ، أَنْتُمْ سَابِقُونَ  
بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ وَنَحْنُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ.

*“Assalamualaikum wahai para Syuhada' Harrah (Al-Fatihah). Kamu telah mendahului menemui Tuhanmu dan kami insya Allah akan menurutimu.”*

[9] **Makam:** (Utsman bin Affan).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا ذَا النُّورَيْنِ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ.  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا ثَالِثَ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ.  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُجَهَّزَ جَيْشِ الْعُسْرَةِ بِالنَّقْدِ  
وَالْعَيْنِ، وَجَامِعِ الْقُرْآنِ بَيْنَ الدَّفْتَيْنِ. جَزَاكَ اللَّهُ

عَنْ أُمَّةِ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرِ الْجَزَاءِ. اللَّهُمَّ ارْضَ  
عَنْهُ وَاَرْفَعْ دَرَجَتَهُ وَأَكْرِمْ مَقَامَهُ وَأَجْزِلْ ثَوَابَهُ -  
آمِينَ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Utsman bin Affan yang mempunyai dua cahaya, salam sejahtera ke atasmu wahai Khalifah Rasulullah yang ketiga, salam sejahtera ke atasmu wahai orang yang telah memperbekalkan senjata, harta benda dan wang ringgit kepada bala tentera Islam dalam masa kesusahan dan kepucikan.*

*Salam sejahtera ke atasmu wahai orang yang telah mengumpulkan Al-Quran Karim, mudah-mudahan Tuhan akan memberi ganjaran sebaik-baik pembalasan di atas segala amalanmu demi untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad. Ya Allah ya Tuhanku, tinggikanlah pangkat dan darjat kebesarannya, muliakanlah kedudukannya*

dan kurniakan balasan pahala kepadanya –  
Amin.”

[10] **Makam:** (Halimah As-Sa’diyah –  
Ibu susuan Rasulullah s.a.w.).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَلِيمَةَ السَّعْدِيَّةِ الْمُرْضِعِ خَيْرِ  
الْأَنَامِ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. [الفاحة]

“Salam sejahtera ke atasmu wahai  
Halimah As-Sa’diyah ibu susuan kepada  
sebaik-baik makhluk iaitu Muhammad s.a.w.

[Al-Fatihah buat ibu tercinta]

[11] **Makam:** (Abi Sa’id Al-Khudri dan  
Sa’ad bin Mu’adz).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ صَاحِبَ  
رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَاوِيَ أَحَادِيثِ

نَبِيِّ اللَّهِ، جَزَاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةِ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرَ  
الْجَزَاءِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَعْدُ بْنُ مُعَاذٍ  
صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَنْ اهْتَزَّ  
لِمَوْتِهِ عَرْشُ الرَّحْمَنِ، جَزَاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةِ رَسُولِ  
اللَّهِ خَيْرَ الْجَزَاءِ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Abi Sa‘id Al-Khudri sahabat Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai orang yang meriwayatkan Hadis Rasulullah. Mudah-mudahan Tuhan akan memberi sebaik-baik ganjaran di atas segala amalan kebajikanmu demi untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad.*

*Salam sejahtera ke atasmu wahai Sa‘ad bi Mu‘adz sahabat Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai orang yang bepegar Arasy dengan kematianmu.*

*Mudah-mudahan Tuhan akan memberi  
sebaik-baik ganjaran di atas segala amalan  
kebajikanmu demi untuk kebaikan dan  
kebajikan umat Muhammad.”*

\* \* \*

### **JABAL UHUD**

Seorang yang telah sampai ke Madinah  
selayaknyalah ia menziarahi Jabal Uhud dan  
perkuburan yang ada di situ. Kerana di situlah  
terletaknya kubur para Syuhada' Saiyidina  
Hamzah, Abdullah bin Jahasy, Mush'ab bin  
Umair r.a. Dan ramai lagi tentera-tentera  
Islam yang gugur di dalam peperangan  
Uhud.

#### ***Doa Semasa Menziarahi Kubur Di Uhud:***

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَمَزَةَ عَمِّ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا سَيِّدَ الشُّهَدَاءِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَسَدَ

182



اللَّهُ وَأَسَدَ رَسُولِهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ  
بْنَ جَحْشٍ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُصْعَبُ بْنَ عُمَيْرٍ.  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا شُهَدَاءَ أُحُدٍ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ  
بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ.  
اللَّهُمَّ أَجْزِهِمْ عَنِ الْإِسْلَامِ وَأَهْلِهِ أَفْضَلَ  
الْجَزَاءِ، وَأَجْزِلْ ثَوَابَهُمْ، وَأَكْرِمْ مَقَامَهُمْ، وَاَرْفَعْ  
دَرَجَاتِهِمْ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

*“Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Hamzah bapa saudara Rasulullah, salam sejahtera ke atasmu wahai penghulu bagi para Syuhada’, salam sejahtera ke atasmu wahai Singa Allah dan Singa Rasulullah.*

*Salam sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Abdullah bin Jahasy. Salam*

*sejahtera ke atasmu wahai Saiyidina Mush'ab bin Umair. Salam sejahtera ke atas kamu wahai orang-orang yang gugur di dalam peperangan Uhud, salam sejahtera ke atas kamu di atas kesabaran kamu menghadapi musuh untuk menegakkan kebenaran Islam, iaitu sebaik-baik balasan yang akan kamu terima dari Allah.*

*Ya Allah ya Tuhanku, gandakanlah pahala amalan mereka yang mereka telah lakukan untuk kesucian agama Islam dan penganut-penganutnya. Tinggikanlah pangkat dan darjat mereka dengan kemurahan-Mu. Wahai Tuhan Yang Amat Pemurah.”*

\* \* \*

**DOA DI TEMPAT YANG DIKUNJUNGI  
SAMA ADA DI MAKKAH, MADINAH  
ATAU DI MANA TEMPAT ISLAM  
BERTAMADDUN**

اللَّهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا وَعَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا. اللَّهُمَّ  
تَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ، وَالْحَقْنَا بِالصَّالِحِينَ. اللَّهُمَّ  
إِنِّي أُوَدِّعْتُ هَذَا الْمَحَلَّ الشَّرِيفَ مِنْ يَوْمِنَا هَذَا  
إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ خَالِصًا مُخْلِصًا، أَشْهَدُ أَنْ لَا  
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

[الفتاحة]

*“Ya Allah ya Tuhan kami, perkenankanlah  
doa kami, afiatkanlah kami, maafkanlah  
kesalahan kami, matikanlah kami di dalam  
Islam, hiduskanlah kami di dalam Islam,*

*himpunkanlah kami dengan orang-orang yang salih.*

*Ya Allah ya Tuhanku, abadikanlah tempat suci ini dari hari ini hingga kiamat dengan penuh kesucian.*

*Aku menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menyaksikan bahawa Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruh-Nya.” [Baca Al-Fatihah]*

\* \* \*

### **ZIARAH WADA’**

***Doa Ziarah Wada’:***

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْهُ آخِرَ الْعَهْدِ مِنْ هَذَا الْمَكَانِ  
الشَّرِيفِ، وَأَرْزُقْنِي إِلَيْهِ الْعَوْدَةَ فِي خَيْرٍ وَعَافِيَةٍ  
وَصِحَّةٍ وَسَلَامَةٍ، إِنْ عِشْتُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ جِئْتُ،

186

وَإِنْ مُتُّ أَوْ دَعْتُ عِنْدَكَ شَهَادَتِي وَأَمَانَتِي وَعَهْدِي  
وَمِيثَاقِي مِنْ يَوْمِنَا هَذَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَهِيَ  
شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ  
الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

*“Ya Tuhanku, janganlah Engkau jadikan ziarah hamba-Mu ini di tempat yang mulia ini sebagai ziarah yang penghabisan, kurniakanlah kepada hamba peluang untuk menziarahi kembali tempat ini di dalam keadaan sehat. Jika panjang umur hamba, insya Allah hamba akan datang lagi. Jika sampai ajal hamba, maka hamba telah mengabdikan kepada-Mu ‘Syahadat dan perjanjian hamba’ dari hari ini sehingga hari*

*kiamat, iaitu: 'Hamba bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah, Tuhan yang Esa yang tiada sekutu bagi-Nya, dan hamba bersaksi Bahawa Nabi Muhammad itu adalah hamba-Nya dan pesuruh-Nya.'*

*Maha Suci Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan dari apa yang mereka sifatkan. Salam sejahtera ke atas sekalian Rasul serta segala puji-pujian tertentu bagi Allah Tuhan yang memiliki seluruh alam."*



### SELAWAT UMMIY

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ  
وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

*“Ya Allah, rahmatilah dan sejahterakanlah penghulu kami sayyidina Muhammad, hambaMu dan RasulMu, seorang nabi yang ummiy, dan juga selawat dan salam ke atas keluarganya dan para sahabatnya.”*

### SELAWAT SYIFA'

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ  
الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا، وَعَافِيَةِ الْأَبْدَانِ وَشِفَائِهَا، وَنُورِ  
الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah, rahmatilah dan sejahterakanlah penghulu kami Nabi Muhammad, yang menjadi pengubat segala hati dan penawarnya, yang menjadi penyihat kepada badan dan penyembuhnya, dan menjadi cahaya bagi pandangan hati dan penerangnya, dan juga selawat dan salam ke atas keluarganya dan para sahabatnya.”

#### QASIDAH TAUBAT

إِلٰهِي لَسْتُ لِلْفِرْدَوْسِ أَهْلًا \*  
وَلَا أَقْوَى عَلَى نَارِ الْجَحِيمِ  
فَهَبْ لِي تَوْبَةً وَأَغْفِرْ ذُنُوبِي \*  
فَإِنَّكَ غَافِرُ الذَّنْبِ الْعَظِيمِ

“Wahai Tuhan, aku tidak layak untuk syurgaMu, tetapi aku tidak pula sanggup menanggung siksa nerakaMu. Dari itu



*kurniakanlah ampunan kepadaku. Ampun-  
kanlah dosaku. Sesungguhnya Engkau  
Pengampun dosa-dosa besar.”*

\* \* \*

#### **DOA PENUTUP MAJLIS**

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

*“Maha Suci Engkau ya Allah, dan segala  
puji bagiMu. Aku bersaksi bahawa tiada  
Tuhan melainkan Engkau. Aku mohon ampun  
dan bertaubat kepadaMu.”*

### ASTAGHFIRULLAH RABBAL BARAYA

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ رَبَّ الْبَرَايَا \*  
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ مِنْ الْخَطَايَا

Maksudnya: “*Aku memohon keampunan Allah Pencipta sekalian makhluk, Aku memohon keampunan Allah dari sekalian kesalahan.*”

### RABBI ZIDNI ‘LMAN NAFI‘AN

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا نَافِعًا \* وَوَقِّفْنِي عَمَلًا مَقْبُولًا  
وَهَبْ لِي رِزْقًا وَاسِعًا \* وَتُبْ عَلَيَّ تَوْبَةً نَصُوحًا

192

*“Wahai Tuhanku, tambahilah untukku ilmu yang bermanfaat, berilah aku petunjuk kepada amalan yang diterima. Kurniakanlah aku rezeki yang luas, dan terimalah taubatku sebagai taubat nashuha.”*

